

BAB DUA

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK SEBAGAI PENERBIT BUKU SASTERA

2.1 Pengenalan

Pada bab ini pengkaji akan cuba meneliti penerbitan buku sastera di Sarawak. Aspek yang dikaji ialah peranan buku dalam kehidupan manusia, latar belakang penerbitan buku sastera di Sarawak, penerbitan buku sastera oleh persatuan penulis, penerbitan buku sastera oleh individu dan swasta, penerbitan buku sastera oleh Biro Kesusasteraan Borneo dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sebagai penerbit buku sastera di Sarawak.

Tumpuan kajian ialah terhadap peranan dan keberkesanannya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sebagai penerbit buku sastera di Sarawak. Pengkaji akan melihat dasar penerbitan, jumlah penerbitan buku, peruntukan untuk penerbitan buku sastera, aliran kerja penerbitan buku sastera dan aspek pemasaran buku sastera oleh Unit Perniagaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

2.2 Kepentingan Penerbitan Buku

Penerbit ialah pihak yang mengeluarkan naskhah buku dan kemudian mengedarkannya kepada penjual buku dan orang ramai.¹ Dengan demikian penghasilan, pengedaran dan penjualan buku merupakan tugas menyeluruh bagi penerbit buku. UNESCO mentakrifkan bahawa penerbit buku ialah

¹M. N. Rao, *The Book Publishing Manual*: The Federation of Publishers Association of India, New Delhi, 1974, hlm. 3.

mereka yang mengeluarkan empat buah buku dalam setahun.² Berdasarkan penentuan ini maka istilah penerbit yang diterima pakai itu mestilah seseorang yang telah menerbitkan sekurang-kurangnya empat buah buku dalam setahun, dan mereka yang mengeluarkan kurang daripada empat buah buku setahun tidak layak ditakrif sebagai penerbit buku.

Di Malaysia tidak ada batasan yang pasti untuk meletakkan seseorang itu sebagai penerbit buku. Mereka yang mengeluarkan buku tetapi kurang daripada empat buah setahun di Malaysia juga disebut sebagai penerbit.

Buku pula menurut Hamidi Mohd. Adenan ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi satu kesatuan bentuk melalui jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal daripada kertas dalaman teks dan diedarkan kepada massa.³ UNESCO menetapkan buku mestilah sekurang-kurangnya 49 halaman, mempunyai kulit buku, diterbitkan dan diperoleh oleh orang ramai.⁴

Dalam dunia moden buku merupakan alat yang sangat penting untuk menyebarkan ilmu serta untuk memulihara.⁵ Berkaitan dengan peranan buku, Escarpit menegaskan bahawa buku ialah alat yang paling berkesan dan paling cekap untuk memindahkan ilmu pengetahuan.⁶ Kepentingan buku sebagai wahana menyebarkan ilmu turut diakui oleh Barker dan Escarpit yang menyatakan buku ialah media yang paling sesuai untuk menyebarkan ilmu kerana ia mudah digunakan dan mudah disimpan.⁷

²“The Charter of Books”, dlm. *IBY Newsletter*, No. 5, Disember 1971.

³Hamidi Mohd. Adenan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm. xv.

⁴*Ibid.*

⁵Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1806-1960*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm. ix.

⁶Robert Escarpit, *The Book Revolution London* UNESCO – Harrap, 1966.

⁷Ronald Barker dan Robert Escarpit, *The Book Hunger Paris*: UNESCO, 1973, hlm. 8.

Dalam konteks pembangunan dan pendidikan sesebuah negara, Md. Sidin Ahmad Ishak menyatakan, buku merupakan sendi kemajuan bangsa, buku digunakan untuk mendidik generasi bagi membina tamadun mereka. Kemajuan sesebuah negara bergantung pada kepesatan dan kekuatan industri buku.⁸

Hamidi Mohd. Adenan ketika merakamkan keyakinan terhadap peranan dan kepentingan buku sebagai penyebar ilmu pengetahuan dalam zaman yang semakin moden, memetik Deklarasi London:⁹

Kami percaya, bahawa buku akan terus mengekalkan fungsinya sebagai alat untuk menyampaikan pengetahuan, pendidikan dan nilai-nilai budaya dalam masyarakat. Buku memainkan peranan terhadap pembangunan negara di samping memperkayakan pengalaman hidup seseorang. Buku juga dapat membentuk persefahaman antara manusia di samping mengukuhkan keinginan di kalangan mereka untuk menikmati kedamaian.

Kepentingan buku dalam hubungannya menyebarkan ilmu juga digandingkan dengan peranan ilmu dalam pembinaan tamadun manusia. Asas kepada pembentukaan tamadun ialah wujudnya ilmu dalam tamadun tersebut. Ilmu dalam konteks ini dilambangkan melalui kewujudan sistem tulisan dalam sesebuah tamadun. Hanya apabila telah wujud sistem tulisan dalam sesebuah tamadun barulah masyarakat berkenaan dapat dianggap sudah mempunyai budaya tinggi.

Wan Abdul Rahman Latif mendefinisikan tamadun sebagai satu bentuk budaya yang maju dan kompleks yang dicirikan dengan kewujudan bandar dan sistem tulisan. Rujukan kepada tulisan adalah penting bagi sesebuah

⁸Md. Sidin Ahmad Ishak: *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1806-1960*, hlm. ix.

⁹Hamidi Adenan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. ix.

tamadun kerana melalui tulisan masyarakat dapat mengutarakan fikiran serta pengalaman mereka dengan lebih tepat dan bersistem.¹⁰

Tulisan membolehkan manusia mencatat dan merekodkan pengalaman mereka bagi keperluan generasi yang seterusnya. Proses ini memerlukan buku sebagai media yang paling ampuh. Sejarah memperlihatkan bahawa tamadun yang maju adalah tamadun yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi dalam bidang-bidang politik, sosial, ekonomi dan sains teknologi.

Tamadun Yunani memiliki para pemikir agung yang mengasaskan ilmu falsafah, sastera, teknologi, sains dan politik. Percambahan ilmu oleh pemikir Yunani itu memerlukan buku sebagai perakam, pencatat dan penyebar fikiran mereka iaitu karya yang dihasilkan. Hanya dengan cara ini sahajalah ilmu tersebut dapat dibincang, dibahas dan diujahkan oleh pemikir dari zaman yang lain juga. Melalui proses inilah sesuatu ilmu dapat berkembang dan tersebar hingga hari ini.

Salah seorang pemikir Yunani yang terkemuka iaitu Plato, telah mengarang beberapa dialog yang diasaskan daripada ajaran gurunya Socrates. Antara dialog tersebut ialah *Apology*, *Crito*, *Gorgias*, *Republic* dan *Phaedo*.¹¹ Karya inilah yang hingga sekarang masih dibincangkan oleh para ilmuwan zaman moden. Pengkaryaan tersebut memerlukan buku sebagai media yang menyampaikannya.

Tokoh pemikir Islam juga tidak ketinggalan dalam mengasaskan ilmu dan menyebarkannya kepada generasi lain serta tamadun lain. Bidang

¹⁰Wan Abdul Rahman Latif, *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 2.

seperti falsafah, astronomi, teknologi, perubatan, fizik, logik dan matematik dikembangkan melalui buku-buku yang dihasilkan oleh pemikir terkemuka Islam yang terdiri daripada Al-Kindi (796-892M), Al-Farabi (870-950M), Ibnu Sina (980-1037M), Al-Ghazali (1058-1111M), Ibnu Khaldun (1332-1406M).

Al-Kindi, atau nama sebenarnya Abu Yusuf Ya-qub ibnu-Ishaq orang yang pertama mendapat gelaran filosof dalam Islam telah menghasilkan beberapa karya falsafah. Karya tersebut ialah, *Kitab Falsafah Ula*, *Madkhalul Manti1*, *Al-Manazhirul Fala1iyah*, *Al-Ghidza Wad Dawa Al-Mukhlik*, *An-Nafsu Jauharun Basithun dan Ilmu Akhlak*.¹²

Dalam hubungan keperluan zaman moden, buku menyumbang kemajuan sosial, pembangunan ekonomi dan kestabilan politik sesebuah negara.¹³ Perkara ini serasi dengan kenyataan yang dibuat dalam Persidangan Pakar Buku Asia di Tokyo pada tahun 1966 yang menegaskan buku haruslah diintergrasikan sepenuhnya dalam usaha pembangunan sesebuah negara.¹⁴

Kepentingan buku ini diperlihatkan dengan konkrit oleh beberapa negara maju di dunia. Di Asia misalnya, Korea Selatan dan Jepun merupakan negara yang paling banyak menerbitkan buku dalam setiap tahun. Korea Selatan menghasilkan 30,000 judul buku baru setahun. Sementara Jepun memperuntukkan sekitar 300 juta untuk usaha penterjemahan buku asing kepada bahasa Jepun.

¹¹Mohammad Hatta, *Alam Fikiran Yunani*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 2.

¹²S.I. Poeradisastra, *Sumbangan Islam kepada ilmu dan kebudayaan moden*, Girimukti Pasaka, Jakarta hlm, 57.

¹³Hamidi Mohd. Adenan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 86.

¹⁴*Ibid.*, hlm. xvi.

Dengan nisbah satu judul buku untuk 10000 orang setahun, kemampuan negara kita menerbitkan buku bagi keperluan seluruh rakyat adalah masih jauh. Keperluan sebenar buku di Malaysia dengan jumlah penduduk sekitar 18 juta orang ialah 18,000 judul setahun. Sedangkan dalam setahun Malaysia hanya mampu menerbitkan sekitar 5,000 judul sahaja.¹⁵

Keadaan tersebut memerlukan tindakan yang realistik dan berkesan dari semua pihak iaitu kerajaan, pihak swasta dan masyarakat umum. Kerajaan memberi galakan dan menyediakan kemudahan, pihak swasta melaksanakan kerja-kerja penerbitan sementara masyarakat umum menyokong industri buku dengan menjadi pembeli produk ilmu ini. Hanya dengan cara demikian usaha untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 akan lebih mudah tercapai.

2.3 Penerbitan Buku Sastera Di Sarawak

Buku sastera dalam konteks kajian ini ialah buku-buku yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan Melayu atau kesusasteraan kebangsaan. Kesusasteraan kebangsaan pula ditakrifkan sebagai apa ju hasil sastera yang ditulis dalam bahasa Melayu yang berlatarkan alam serta budaya Melayu.

Kajian ini mengambil kira buku sastera yang berbentuk kreatif sahaja. Sastera kreatif terdiri daripada puisi, cerpen, novel dan drama.

¹⁵Ibid.

Seperti perkembangan sastera di Sarawak, bidang penerbitan buku sastera juga melalui sejarah yang hampir serupa. Buku sastera yang pertama diterbitkan ialah *Hikayat Panglima Nikosa* (HPN) oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Buku ini diterbitkan pada tahun 1876 di Kuching. Selain sebagai buku sastera yang pertama diterbitkan, buku ini juga merupakan buku pertama yang diterbitkan secara individu oleh pengarangnya. Ahmad Shawal bin Abdul Hamid mempunyai percetakan sendiri di Bukit Persinggahan, Kuching.¹⁶ Setakat ini tidak diketahui sejauh manakah usaha yang telah dijalankan oleh Ahmad Shawal dalam bidang penerbitan buku sastera.

Percetakan yang diusahakan oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid ialah percetakan batu atau lithography. Usaha ini menunjukkan bahawa bidang penerbitan buku-buku sastera di Sarawak telah bermula seawal 1876 lagi. Biarpun bidang penerbitan buku memang dapat dianggap masih asing ketika itu, kesedaran yang ditunjukkan oleh Ahmad Shawal dalam usaha menerbitkan buku sastera untuk bacaan umum amat mengagumkan.

Di Tanah Melayu (Malaya) dan juga Singapura, bidang penerbitan bermula lebih awal. Percetakan di Malaya mula-mula muncul pada tahun 1806 menerusi usaha persendirian Andrew Burchet Borne.¹⁷ Beliau mendapat lesen mencetak daripada The East India Company dan dengan lesen itu beliau menerbitkan akhbar *The Government Gazzete*. Keluaran pertama akhbar ini adalah pada 1 Mac 1806.

¹⁶Hamzah Hamdani, "Pemikiran Dalam *Hikayat Panglima Nikosa*", dlm. *Wajah Sastera Sarawak* DBP, K.L, 1988, hlm. 182.

¹⁷Md. Siddin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1806-1960*, hlm. 9.

Selain mencetak dan menerbitkan akhbar, Borne turut mencetak buku itu setahun berikutnya. Buku tersebut berjudul *The Prince of Island Directory and Calender for 1807*. Kandungan buku ini berbentuk direktori yang mengikut iklan dalam Gazette butiran tentang The East India Company dan badan-badan di Melaka dan Princes of Wales, senarai perkapalan, senarai penduduk serta ejen langganan di Bengal, Madras dan Bombay.¹⁸

Dalam jangka waktu yang sama, Sarawak masih di bawah pemerintahan kesultanan Brunei. Ketibaan James Brooke pada 1841 dan seterusnya menjadi Raja Sarawak tidak dapat dikaitkan dengan perkembangan bidang penerbitan dan percetakan buku. Penerbitan pertama yang dapat dikesan ialah surat berita *The Sarawak Gazette* pada tahun 1870 ketika pemerintahan Charles Brooke.¹⁹ Keluaran pertama terbit pada 1 Mac 1870.

Muhamad Rakawi Yusuf ialah orang kedua yang mengusahakan penerbitan dan percetakan buku serta bahan sastera di Sarawak. Pada tahun 1930 beliau bersama Mohd. Johari Anang, Haji Daud Abdul Ghani, Haji Abdul Rahman Haji Kassim serta Mohd. Awi Anang telah menerbitkan akhbar berbahasa Melayu yang pertama di Borneo yang berjudul *Fajar Sarawak*. Akhbar ini pertama kali terbit pada 1 Februari 1030. *Fajar Sarawak* diterbitkan oleh Sharikat Putera Sarawak iaitu sebuah syarikat percetakan yang dimiliki oleh Mohd. Awi Anang. Walau bagaimanapun syarikat ini dipercayai adalah usahasama antara Muhamad Rakawi, Haji Abdul Rahman Haji Kassim dan Haji Daud Abdul Ghani. Malah biaya penerbitan *Fajar Sarawak* adalah melalui wang gratuity Muhamad Rakawi Yusuf semasa

¹⁸Ibid.

bekerja sebagai pegawai kastam. Namun usia akhbar ini tidak lama iaitu hanya terbit hingga 16 Jun 1930. Punca pemberhentiannya disebabkan oleh kurang sambutan pembaca serta tidak cukup kewangan untuk membiayai kos penerbitannya.

Muhamad Rakawi Yusuf meneruskan usaha dalam bidang penerbitan buku sastera dengan menerbitkan novel beliau sendiri pada tahun 1932. Novel tersebut ialah *Melati Sarawak* juga merupakan novel yang pertama diterbitkan di Sarawak. Novel ini dalam tulisan jawi setebal 116 halaman. Pencetak novel ini ialah The Sarawak Printing Company, syarikat percetakan kepunyaan Haji Abdul Rahman Haji Kassim.

Selain buku sastera, Muhamad Rakawi Yusuf juga turut menulis dan menerbitkan buku sejarah berjudul *Hikayat Sarawak*.²⁰ Buku sejarah tentang Sarawak ini diterbitkan dalam dua jilid pada tahun 1932. Pencetak buku ini juga ialah The Sarawak Printing Company.

Penerbitan buku sastera seterusnya hanya diusahakan lebih kurang 50 tahun berikutnya selepas usaha Muhamad Rakawi Yusuf pada tahun 1932. Novel *Kebahagiaan Cinta* tulisan Bolhassan Matassip diterbitkan pada tahun 1955. Pada sekitar tahun yang sama juga Bolhassan Matassip turut menghasilkan buku *Sinaran Jasa, Panduan Kajian Hakiki dan Kejurusan Ke Alam Bahagia*.²¹ Namun penerbit serta pencetak ketiga-tiga buku tersebut tidak dapat dipastikan.

¹⁹ *Sarawak Government Almanac 1998..*

²⁰ Hamzah Hamdani, "Melati Sarawak: Satu Pembicaraan Tentang Tema dan Persoalan dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, DBP, K.L, 1988", hlm. 192.

²¹ Mohamad Driss, "Perkembangan Kesusteraan Melayu di Sarawak daripada sudut sejarah dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, DBP, K.L, 1988", hlm. 63.

Pada tahun 1949 Ikhwan Zaini telah menerbitkan akhbar *Utusan Sarawak* iaitu sebuah akhbar yang turut menyalurkan bahan-bahan sastera seperti puisi, cerita pendek dan rencana. Namun tidak ada usaha beliau untuk menerbitkan buku-buku sastera.

Hanya pada tahun 1960 barulah bermula kegiatan penerbitan dan percetakan buku sastera yang benar-benar terancang dan tersusun di Sarawak. Kegiatan tersebut dijalankan oleh Biro Kesusteraan Borneo (BLB). Melalui biro ini buku-buku sastera terutamanya cerita rakyat, cerita pendek, puisi dan novel telah diterbitkan dengan agak banyak setiap tahun.

Sepanjang pembabitan BLB dalam bidang penerbitan buku (1960-1976) badan ini telah menghasilkan sebanyak 577 judul buku.²² Daripada jumlah tersebut sebanyak 53 (8%) judul adalah buku dalam bahasa Melayu, 271 (58%) buku dalam bahasa Inggeris, 125 (30%) buku dalam bahasa Iban, 99 (15%) buku dalam bahasa Cina dan 29 (5%) buku dalam bahasa-bahasa lain.

Jadual 2.3.1 Penerbitan buku BLB mengikut bahasa 1960 - 1976

TAHUN	MELAYU	INGGERIS	IBAN	CINA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1960	1	6	2	1	-	10
1961	2	15	2	11	7	37
1962	1	21	6	12	1	41
1963	2	18	8	9	1-	38
1964	3	30	8	2	-	43

²²*Laporan Tahunan BLB 1976 – 1960..*

1965	-	20	14	4	1	39
1966	4	18	7	7	2	38
1967	6	34	26	-	-	66
1968	1	33	11	6	5	56
1969	5	16	3	2	3	29
1970	6	16	9	2	3	36
1971	4	10	10	5	2	31
1972	2	11	7	3	1	24
1973	2	6	-	6	1	15
1974	5	5	2	2	-	14
1975	3	3	5	11	-	22
1976	6	9	5	16	2	38
	53	271	125	99	29	577

Sumber: *Laporan Tahunan BLB 1960 – 1976*

Selain menerbitkan buku sastera, BLB juga menerbitkan majalah sastera untuk bacaan kanak-kanak. Majalah ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan nama *Dolphin*, bahasa Cina dengan nama *Dolphin*, bahasa Iban dengan nama *Nendak* dan bahasa Melayu dengan nama *Perintis*. Majalah ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pembaca di Sarawak.

Pada tahun 1962, jumlah majalah *Dolphin* dalam bahasa Inggeris yang terjual ialah sebanyak 120,094 naskhah. *Dolphin* dalam bahasa Cina terjual 33,900 naskhah. Bagi majalah *Perintis* yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1970 jumlah yang terjual ialah sebanyak 16,973 naskhah.

Pada tahun 1976 iaitu tahun terakhir BLB wujud sebagai badan penerbit, jumlah majalah yang terjual adalah seperti yang berikut: *Dolphin* bahasa Inggeris 40815, *Dolphin* bahasa Cina 166, 130, *Perintis* 74, 149 dan *Nendak* 18,086 naskhah.

Selepas BLB, maka usaha penerbitan buku diambil alih pula oleh DBP Cawangan Sarawak pada tahun 1977. Di tangan DBP Cawangan Sarawak, penerbitan buku menjadi semakin aktif dan lebih banyak. Dengan penerbitan menjadi satu daripada fungsi utama penubuhan DBP, usaha ini turut dijalankan secara agresif di Sarawak. Tumpuan utama penerbitan buku DBP Cawangan Sarawak secara khusus ialah menerbitkan buku-buku sastera kreatif karya penulis tempatan Sarawak. Buku yang diterbitkan adalah dalam genre novel, cerpen, puisi dan drama. Bidang kritikan juga diberikan tumpuan tetapi sambutan tidak begitu menggalakkan. Manuskrip yang diterbitkan biasanya adalah hasil bengkel penulisan yang dianjurkan oleh DBP Cawangan Sarawak, hasil peraduan menulis sastera kreatif serta hasil pertemuan penulis, seminar mahupun dialog sastera peringkat wilayah (Sarawak, Sabah, Brunei serta Kalimantan).

Bermula pada tahun 1980 hingga 1998 jumlah keseluruhan buku yang telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak ialah 131 judul. Daripada jumlah tersebut, 96 (73.84%) judul ialah buku sastera dan 35 (26.71%) judul ialah buku umum. Ini memberikan gambaran bahawa tumpuan penerbitan buku DBP Cawangan Sarawak adalah kepada buku-buku sastera.

2.4 Penerbitan Buku Oleh Persatuan Penulis

Penerbitan buku sastera juga dijalankan oleh persatuan penulis di Sarawak. Persatuan yang menerbitkan buku sastera ini terdiri daripada GPPS, serta ahli gabungan mereka iaitu Angkatan Karya dan PUTERA, namun persatuan ini tidak menerbitkan buku-buku sastra secara konsisten. Apa yang dilakukan adalah sekadar untuk membukukan karya-karya ahli serta memasarkannya kepada pembaca. Motif keuntungan adalah perkara kedua dalam tujuan penerbitan persatuan penulis ini. Perkara ini menyebabkan buku-buku yang diterbitkan oleh persatuan penulis ini tidak begitu tersebar dan diketahui oleh pembaca. Tumpuan pasaran lebih kepada ahli persatuan serta kenalan penulis berkenaan sahaja.

GPPS merupakan persatuan yang agak aktif pada penghujung 1980-an dalam menerbitkan karya ahli mereka. Sepanjang pembabitan persatuan ini dalam penerbitan buku sastera, sebanyak 14 judul telah dihasilkan. Pecahan judul mengikut genre ialah puisi 8 judul, antologi cerpen 2 judul, drama 3 judul dan novel 1 judul.

Setakat ini PUTERA hanya menghasilkan dua judul buku sastera dan kedua-duanya dalam genre puisi. Sementara Persatuan Kesusasteraan Sarawak pula telah menerbitkan 8 judul buku sastera. Sebahagian besar penerbitan buku oleh persatuan ini adalah dengan kerjasama pihak lain seperti dengan syarikat penerbit buku swasta dan kerajaan iaitu DBP.

2.5 Penerbitan Buku Sastera Oleh Individu Dan Swasta

Penerbitan buku sastera oleh orang persendirian tidak begitu popular di Sarawak. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Ahmad Shawal bin Abdul Hamid adalah orang pertama yang menerbitkan buku sasteranya

sendiri pada tahun 1876. Usaha ini dilanjutkan oleh Muhamad Rakawi Yusuf pada tahun 1932 dengan menghasilkan novel *Melati Sarawak* dan *Hikayat Sarawak*.

Sehingga kajian ini dibuat (1998), penerbit penerbit persendirian yang agak aktif menerbitkan buku sastera ialah Abang Haji Yusuf Putih. Walau bagaimanapun kesemua buku yang dihasilkan oleh beliau adalah dalam bahasa Inggeris.

2.6 Penerbit Swasta

Penerbit dan kalangan swasta yang menerbitkan buku-buku sastera ialah J.A Communication and Production yang diusahakan oleh Jeniri Amir. Sepanjang syarikat ini aktif sebanyak 9 judul buku telah diterbitkan. Daripada jumlah itu 4 judul adalah buku sastera iaitu *Isu Bahasa dan Sastera Di Sarawak*, (rencana), *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, *Arus Mutakhir Sastera Kenyalang* (rencana) dan *Simfoni Dari Utara* (antologi puisi).

Apabila syarikat J.A Communication diserap menjadi syarikat Gaya Media Production yang diuruskan oleh Mohamad Kassim, usaha penerbitan buku sastera menjadi tidak diberikan tumpuan. Syarikat baru ini lebih menumpukan perhatian kepada kerja-kerja menyediakan pracetak dan mencetak buku-buku dengan mengambil tender daripada pihak kerajaan, swasta serta individu.

Tamar Media juga merupakan syarikat swasta yang turut mengusahakan penerbitan buku sastera di Sarawak. Tetapi pembabitan mereka agak terhad dengan hanya setakat ini menerbitkan sebuah karya A. Samad Said. Buku tersebut ialah kumpulan tulisan A. Samad Said tentang

pengalamannya di Sarawak yang tersiar dalam *Utusan Zaman*. Judul buku ini ialah *Kembara di Bumi Kenyalang* penerbitan ini sebenarnya adalah secara kerjasama dengan Gaya Media Sdn. Bhd.

2.7 Penerbit Kerajaan

Penerbit kerajaan dimaksudkan sebagai agensi atau badan khusus yang dibentuk, dimiliki, ditadbir dan dibiayai oleh kerajaan bagi melaksanakan kegiatan menerbit, mencetak dan memasarkan buku. Seluruh aktiviti badan ini adalah dikawal sepenuhnya oleh kerajaan melalui dasar serta undang-undang yang telah ditetap sesuai matlamat penubuhannya.

Di Sarawak terdapat dua badan atau agensi khusus yang dibentuk oleh kerajaan dalam melaksanakan kegiatan menerbit, mencetak dan memasarkan buku. Badan tersebut ialah Biro Kesasteraan Borneo (BLB) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBP).

BLB wujud pada tahun 1959 hingga 1976 sementara DBP Cawangan Sarawak mengambil alih seluruh fungsi BLB mulai 1976/77 hingga sekarang. Dari segi dasar kedua-dua agensi kerajaan ini bertujuan menerbitkan sebanyak mungkin buku untuk bacaan umum dalam bahasa Melayu. Namun DBP Cawangan Sarawak ternyata lebih jelas dan lebih agresif menjalankan dasar tersebut di Sarawak. (Rujuk Bab Satu: Sumbangan BLB Terhadap Perkembangan Sastera Di Sarawak hlm. 24-41).

2.8 Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

Penubuhan sebuah pejabat Dewan di Sarawak mempunyai latar belakang tersendiri. Seperti yang dijelaskan dalam Bab Satu, DBP Cawangan Sarawak mula beroperasi secara rasmi pada tahun 1977. Mulai saat itu seluruh fungsi dan peranan BLB diambil alih oleh DBP Cawangan Sarawak.

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBP Sarawak) ialah sebuah bahagian integral dalam susunan organisasi Dewan Bahasa dan Pustaka. Sungguhpun demikian, DBP Sarawak berbeza daripada mana-mana jabatan bahagian mahupun unit yang ada di ibu pejabat Dewan di Kuala Lumpur. Perbezaan ini adalah dari aspek fungsi, peranan dan sempadan kawasan yang dicakupi. Daripada aspek fungsi, DBP Sarawak menjalankan semua fungsi Dewan iaitu bahasa, sastera, perniagaan dan penerbitan secara sekali gus, sedangkan jabatan, bahagian mahupun unit di ibu pejabat hanya menjalankan fungsi khusus. Misalnya, Jabatan Sastera menjalankan fungsi dalam lingkungan pembinaan, penataran dan pengembangan sastera sahaja. Jabatan Penerbitan pula khusus menangani fungsi penerbitan semata-mata.

DBP Sarawak bukan setakat menjalankan kegiatan-kegiatan yang merupakan perlanjutan daripada kegiatan yang dijalankan oleh jabatan, bahagian mahupun unit di ibu pejabat tetapi juga merancang dan melaksanakan kegiatan yang bersifat khusus. Ini untuk memenuhi kehendak tempatan mahupun kegiatan lain yang dapat mencapai objektif Dewan.²³

Daripada aspek cakupan kawasan kegiatan, DBP Sarawak menjaga dan menangani sebuah kawasan yang amat luas iaitu seluruh negeri

Sarawak. Dengan keadaan geografi yang luas, meliputi kawasan 123,985 km persegi serta didiami oleh tidak kurang daripada 30 suku kaum dan 60 dialek bahasa, tugas DBP Sarawak amat berbeza dan mencabar kaum-kaum utama ialah Iban, Melayu, Bidayuh, Cina dan Melanau.²⁴

Keadaan politik semasa, kemudahan perhubungan dan tahap pendidikan rakyat terutamanya di kawasan pedalaman memberikan cabaran besar kepada usaha-usaha pembinaan, pengembangan dan pemasyarakatan bahasa dan sastera kebangsaan di Sarawak. Perkara inilah yang memberikan perbezaan yang ketara antara DBP Sarawak dengan peranan jabatan, bahagian serta unit di ibu pejabat. Dengan kata lain DBP Sarawak adalah mini Dewan.

Sebagai sebuah organisasi yang melaksanakan hampir semua fungsi dan peranan Dewan, DBP Cawangan Sarawak mempunyai struktur organisasi yang hampir menyamai struktur organisasi di ibu pejabat. Ini dilakukan bagi menjamin wujudnya keselarasan dalam melaksanakan kegiatan bahasa, sastera, penerbitan dan perniagaan.²⁵ Pada peringkat awal penubuhannya melalui penyusunan organisasi pada tahun 1980, DBP Cawangan Sarawak mempunyai lima unit iaitu Unit Bahasa, Unit Sastera, Unit Penerbitan, Unit Pemasaran dan Unit Pentadbiran.

Setiap unit diketuai oleh seorang Ketua Unit yang bertanggungjawab langsung kepada Pengarah. Ketua Unit diberi kuasa mentadbir, mengurus, merancang dan melaksanakan fungsi unit masing-masing mengikut perancangan kerja yang telah diluluskan pada tahun berkenaan.

²³Memorandum Penyusunan Semula Organisasi DBP 1980.

²⁴Lee Yong Leng, *Penduduk dan Pertempatan Di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 52.

Penyusunan organisasi DBP Cawangan Sarawak pada tahun 1980 turut memperuntukkan jawatan baru iaitu Timbalan Pengarah dengan skel A9. Timbalan Pengarah bertanggungjawab membantu Pengarah dalam mentadbir, mengurus dan memimpin DBP Cawangan Sarawak. Secara langsung tugas Pengarah akan lebih cekap dengan adanya seorang timbalan.

Sesuai dengan keperluan semasa serta perubahan di peringkat ibu pejabat Dewan di Kuala Lumpur, DBP Cawangan Sarawak turut melakukan penyusunan semula organisasi secara menyeluruh pada tahun 1995/1996. Melalui penyusunan semula organisasi ini beberapa perubahan struktur yang melibatkan pembentukan unit baru telah dibuat.²⁵ Penyusunan ini melibatkan pembentukan struktur organisasi yang mirip struktur DBP di Kuala Lumpur. Pada penyusunan semula DBP Cawangan 1995 unit pentadbiran, penerbitan, bahasa dan sastera telah dipecahkan menjadi beberapa unit yang khusus. Unit Bahasa telah dipecahkan menjadi empat unit kerja iaitu Unit Pengembangan Bahasa Sektor Awam, Unit Pengembangan Bahasa Sektor Swasta, Unit Penyelidikan Bahasa dan Unit Perkamus dan Peristilahan. Unit Sastera dipecahkan menjadi tiga unit kerja iaitu Unit Pengembangan Sastera, Unit Penyelidikan Sastera, Unit Anugerah dan Ensiklopedia. (Rujuk lampiran I)

Unit Penerbitan pula diperkemas dan dimantapkan melalui penyatuan dua Sub Unit kerja. Sebelum 1995, Unit Penerbitan terdiri daripada dua

²⁵Buku Pedoman Kerja Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak 1980.

²⁶DBP Cawangan Sarawak terlibat secara langsung dalam penyusunan semula organisasi besar-besaran DBP pada 1995. Ini melibatkan pembentukan unit kerja yang baru bagi bahasa dan sastera.

subunit iaitu Unit Penerbitan dan Unit Grafik. Penyatuan dua subunit ini menjadi satu unit dengan nama Unit Penerbitan menjadikan unit baru ini lebih menyeluruh dengan staf yang ramai.

Sementara perubahan yang agak canggung berlaku di Unit Pentadbiran apabila penyusunan semula organisasi DBP Cawangan Sarawak 1995 melupuskan jawatan Timbalan Pengarah. Ini bermaksud dalam hal-hal pentadbiran harian, Pengarah bergantung penuh pada Pegawai Tadbir di Unit Pentadbiran. Unit Pentadbiran masih kekal dengan dua unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Kewangan.

Unit Perniagaan tidak mengalami perubahan struktur. Unit ini kekal dengan dua unit iaitu Unit Perniagaan dan SubUnit Stor. Namun secara dalaman beberapa jawatan baru bertaraf Penolong Pegawai Tadbir Perniagaan telah ditambah untuk memantapkan unit ini.

2.8.1 Penerbitan Buku DBP Cawangan Sarawak

DBP Sarawak yang berperanan melaksanakan fungsi DBP meletakkan bidang penerbitan sebagai salah satu fungsi. Ini bagi menyokong keperluan pembinaan, pengembangan dan pemantapan bahasa dan sastera kebangsaan di Sarawak.

Dasar penerbitan buku DBP Cawangan Sarawak adalah juga dalam lingkungan matlamat penubuhan DBP yang tercatat dalam ordinan DBP 1959 (dengan pindaannya dalam tahun 1972) serta pindaan 1996):

Mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku-buku, risalah-risalah dan lain-lain bentuk persuratan dalam bahasa kebangsaan dan

bahasa-bahasa lain.²⁷

Matlamat penerbitan DBP adalah untuk kepentingan bahasa, sastera, pendidikan negara dan kepentingan sosial amnya, dan bukan untuk kepentingan perdagangan atau keuntungan semata-mata. Teras inilah yang menjadi pegangan serta mempengaruhi keseluruhan kegiatan penerbitan di DBP Cawangan Sarawak.

Penerbitan pada peringkat awal di DBP Cawangan Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Memorandum Penyusunan semula Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak 1980 mempunyai empat fungsi:²⁸

- i. Menerbitkan majalah bulanan DBP Perintis.
- ii. Menyusun dan melaksanakan program dan projek penerbitan yang sesuai untuk bacaan kanak-kanak dan orang dewasa.
- iii. Menyusun dan mengadakan program dan kegiatan memajukan penerbitan dan penulisan buku umum.
- iv. Mengelolakan kerja pengeluaran Cawangan.

Skop penerbitan DBP kini meliputi buku-buku teks, buku rujukan peringkat kolej dan universiti, buku teks KBSR, KBSM, buku panduan guru, buku umum kanak-kanak, buku umum dewasa, dan majalah.

Hamidi Mohd. Adenan merumuskan, berdasarkan tugas-tugas setiap bahagian yang terbabit dalam penerbitan DBP, buku-buku terbitan DBP dapat dibahagikan kepada lima jenis:²⁹

-
- i. Buku-buku teks dan buku pelajaran lain, buku-buku rujukan dan risalah yang ada kaitannya dengan sistem pendidikan dari

²⁷DBP Tonggak Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.

²⁸Memorandum Penyusunan Semula Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak 1980.

²⁹Hamedи Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, lilm. 50.

- peringkat prasekolah hingga ke universiti yang dikelolakan oleh DBP.
- ii. Buku-buku yang dihasilkan melalui kegiatan DBP dalam pembinaan dan pengembangan bahasa seperti istilah, kajian bahasa, perkamusahan, dan penggunaan bahasa di bawah penyediaan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (BPPB).
 - iii. Buku-buku yang dihasilkan melalui pembinaan dan pengembangan sastera termasuk sastera kreatif seperti novel, cerpen, sajak dan buku-buku kajian dalam lapangan sastera yang dikelolakan oleh BPPS.
 - iv. Buku-buku umum untuk bacaan orang dewasa dan kanak-kanak (sastera dan pengetahuan) di bawah kelolaan BPA.
 - v. Buku-buku yang diterjemahkan daripada bahasa-bahasa asing kepada bahasa Melayu yang dikendalikan oleh BT.

Walau bagaimanapun skop penerbitan DBP Cawangan Sarawak adalah lebih kecil iaitu hanya meliputi buku umum sastera, buku umum bahasa, buku umum sains sosial, penerbitan di akhbar tempatan (Sarawak) dan penerbitan brosur, buku cenderamata dan buku teks KBSR dan KBSM untuk keperluan sekolah di Sarawak sahaja.

2.8.2 Unit Penerbitan

Unit Penerbitan ialah unit kerja pelaksana DBP Cawangan Sarawak yang diketuai oleh seorang Ketua Unit. Tugas unit ini ialah mengadakan program, kegiatan dan projek penerbitan buku, majalah dan bahan bacaan yang sesuai terutamanya dalam bahasa kebangsaan. Selain itu unit ini juga dipertanggungjawabkan membantu menerbitkan brosur, pamflet dan buku cenderamata.

Tugas penerbitan bukan setakat menerbitkan bahan untuk DBP sahaja malah membantu jabatan, organisasi, pertubuhan dan pihak luar yang memerlukan khidmat nasihat penerbitan. Dalam konteks Sarawak, DBP Cawangan Sarawak seringkali diminta oleh jabatan kerajaan lain membuat buku cenderamata untuk projek atau majlis jabatan berkenaan.

Melalui penyusunan semula organisasi DBP Cawangan Sarawak 1995, Unit Penerbitan telah disatukan daripada dua unit iaitu Unit Penerbitan dan Sub Unit Grafik. Masing-masing unit ini mempunyai ketua dan staf yang tersendiri tetapi menjalankan kerja yang sama iaitu menerbitkan buku sebagai produk akhir.

Unit Penerbitan ketika itu berperanan menjalankan proses penyuntingan (membina dan memperoleh manuskrip untuk diterbitkan). Apabila manuskrip sudah diperoleh unit ini akan menjalankan kerja-kerja penyuntingan sehingga menjadi manuskrip bersih. Urusan perjanjian dengan penulis juga akan dijalankan oleh Unit Penerbitan.

Sementara itu, Unit Grafik akan menjalankan kerja-kerja "Pengeluaran" seterusnya iaitu proses pracetak hingga ke percetakan. Manuskrip yang bersih akan diserahkan kepada Unit Grafik untuk urusan percetakan termasuklah urusan pemilihan pencetak serta penetapan harga cetak (kos) keseluruhan percetakan.

Setelah penyusunan semula organisasi pada tahun 1995, Unit Penerbitan disatukan dan dimantapkan strukturnya. Struktur baru ini meletakkan Unit Penerbitan diketuai oleh seorang Ketua Unit iaitu Pegawai Perancang Bahasa S3 (Editor), seorang Penolong Pegawai Perancang Bahasa Kanan S4 (Editor), seorang Penolong Pegawai Perancang Bahasa

S5 (Editor), seorang Pereka B5, dua orang pelukis B7, dan tiga orang pembaca pruf. (Rujuk Lampiran II)

Struktur baru ini dilihat sebagai lebih mantap kerana seluruh kerja penerbitan dijalankan dan diuruskan oleh satu unit sahaja. Tidak timbul lagi masalah birokrasi antara unit yang terlibat seperti sebelum ini.

Penerbitan di DBP Cawangan Sarawak tidaklah terpisah daripada perancangan keseluruhan Jabatan Penerbitan di ibu pejabat Dewan di Kuala Lumpur. Bahkan penerbitan yang dijalankan oleh Unit Penerbitan di Cawangan Sarawak lebih dilihat sebagai perlanjutan dan tertakluk kepada perancangan pusat. Ini seluruhnya termaktub dalam Sasaran Kerja Utama DBP 1995 – 2000 Jabatan Penerbitan.

Berdasarkan SKU Jabatan Penerbitan DBP 1995 – 2000, jumlah buku yang diterbitkan dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 15,000 judul. Dan daripada jumlah tersebut DBP Cawangan Sarawak hanya diminta menerbitkan 100 judul sahaja atau 5% dari keseluruhan judul yang dirancang.³⁰ Keadaan ini memperlihatkan peranan yang kecil diberikan kepada Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak. Perkara ini terjadi kerana melihat kepada kemampuan dari segi tenaga, kepakaran dan peruntukan kewangan yang terbatas di peringkat Cawangan Sarawak.

Dengan mengambil kira tempoh 18 tahun iaitu 1980 hingga 1998, DBP Cawangan Sarawak seringkali diaju dan diminta untuk mengutamakan penerbitan buku karya penulis Sarawak bagi memastikan karya penulis Sarawak dapat diterbitkan.

³⁰Sasaran Kerja Utama (SKU) DBP 1995-2000.

Perkara ini disebabkan oleh timbul semacam tanggapan bahawa karya penulis Sarawak “sukar” untuk diterbitkan oleh penerbit lain, baik oleh penerbit di Sarawak mahupun penerbit di Kuala Lumpur. Apatah lagi jika buku tersebut ditulis dalam bahasa kebangsaan, peluang untuk diterbitkan di Sarawak adalah amat tipis. Sebaliknya buku yang ditulis dalam bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris lebih mudah untuk diterbitkan oleh penerbit di Sarawak.

Masalah penerbitan buku dalam bidang bahasa dan sastera di Sarawak juga sudah sekian lama berlaku. Penerbit swasta memang amat jarang bersedia untuk menerbitkan buku bahasa dan sastera yang ditulis dalam bahasa Melayu. Alasan yang sering dikemukakan ialah tidak mendapat pulangan yang baik, malah mungkin berlaku kerugian. Perkara ini dikaitkan dengan minat membaca yang kurang serta pengaruh bahasa Inggeris yang masih kuat terutamanya di kalangan kakitangan kerajaan negeri, Sarawak.

Perkara ini menyebabkan sukar sekali kita dapat melihat buku bahasa dan sastera yang diterbitkan oleh penerbit di Sarawak berada di pasaran. Jika ada pun penerbitan buku bidang berkenaan, ia diusahakan oleh individu seperti yang pernah dibuat oleh Jeniri Amir dengan sasaran khalayak ialah pelajar sekolah dan guru bahasa dan sastera. Selebihnya penerbitan buku sastera dijalankan oleh persatuan penulis seperti PUTERA, GPPS Angkatan karya dan Persatuan Kesuasteraan Sarawak untuk pasaran ahli persatuan.

Dengan demikian kalangan penulis terutamanya bergantung penuh pada DBP Cawangan Sarawak untuk menerbitkan karya-karya mereka.³¹

Harapan dan kehendak yang disandarkan kepada DBP Cawangan Sarawak untuk menerbitkan karya penulis Sarawak seboleh mungkin cuba direalisasikan oleh DBP. Walaupun keutamaan dan kemudahan diberikan kepada penulis Sarawak untuk menerbitkan karya, aspek mutu tetap tidak diabaikan.

Persoalan mutu karya yang hendak diterbitkan tetap menjadi landasan utama dalam menerbitkan buku oleh DBP Cawangan Sarawak. Jelas memang tidak ada tolak ansur yang mudah dalam perkara ini. Unit Penerbitan menekankan aspek mutu serta standard yang tinggi dalam mencadangkan penerbitan satu-satu judul buku.³²

Walaupun DBP Cawangan Sarawak memberi semacam "keistimewaan" kepada karya penulis Sarawak untuk diterbitkan, prosedur kualiti tetap dipatuhi. Sebelum sesebuah manuskrip dicadang untuk diterbitkan, proses penilaian yang ketat dijalankan oleh Unit Penerbitan. Ini khususnya kepada manuskrip yang tidak dirancang tetapi diserahkan oleh individu untuk pertimbangan penerbitan oleh DBP Cawangan Sarawak.

2.8.3 Proses Kerja Penerbitan Buku DBP Cawangan Sarawak

Penerbitan sesebuah judul buku akan melibatkan tiga proses umum iaitu penyuntingan, proses pengeluaran dan proses pemasaran.³³ Proses-proses penyuntingan akan membabitkan proses perolehan, kepengarangan,

³¹Temubual dengan Encik Jais Sahok pada 15 November 1999 di SMK Lumba Kuda, Kuching.

perundingan royalti, penyuntingan substantif, penyuntingan naskhah, penyediaan ilustrasi dan pembacaan pruf.

Bagi proses pengeluaran, kerja-kerja yang terlibat ialah atur huruf, menyediakan naskhah siap kamera (CRC), percetakan, dan penjilidan. Pemasaran melibatkan kerja-kerja penyelidikan pasaran, promosi, pesanan, pengedaran, dan kawalan kewangan.

Amalan ini juga dilakukan oleh Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak dalam menerbitkan buku. Secara khususnya ada tiga peringkat dalam proses penerbitan buku yang diamalkan oleh DBP:

- i. Peringkat Perolehan Manuskip – Peringkat 1
- ii. Peringkat Pracetak – Peringkat 2
- iii. Peringkat Cetak – Peringkat 3

2.8.4 Peringkat Perolehan Manuskip

Peringkat ini dimulakan dengan perancangan judul yang hendak dibina dan diterbitkan pada tahun atau tempoh tertentu. Editor biasanya akan merancang beberapa judul yang hendak diterbitkan berdasarkan bidang-bidang yang diperlukan. Konsep buku termasuk isi serta pembaca sasaran diambil kira ketika merancang judul. Perancangan ini akan dibawa kepada pihak pengurusan peringkat jabatan atau unit untuk mendapat nasihat dan kelulusan. Belanjawan yang terlibat juga akan ditentukan pada tahap ini.

³²Temubual dengan Puan Che Zainab Omar, Ketua Unit Penerbitan DBP Sarawak pada 4 Ogos 1999 di DBP Sarawak.

³³Hamedи Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 86.

Peranan editor dalam membina dan memperoleh judul-judul baru untuk diterbitkan adalah amat penting menurut kajian Powel (1978).³⁴

Berdasarkan bidang, konsep buku serta sasaran pembaca, editor akan cuba mengenal pasti penulis yang sesuai untuk judul yang dirancangkan itu. Setelah penulis dikenal pasti, editor akan berbincang dengan penulis yang telah dipilih berkenaan judul yang hendak diterbitkan. Editor akan membantu penulis menyediakan panduan asas jika diperlukan oleh penulis ketika menyediakan manuskrip.

Setelah manuskrip siap ditulis, editor akan membuat semakan dan penilaian mutu. Laporan penilaian tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Editorial (JKE) untuk kelulusan. Selepas itu barulah laporan penilaian itu dikemukakan pula kepada Jawatankuasa Penerbitan (JKP). Biasanya kelulusan peringkat JKP mengambil masa sekurang-kurang tiga bulan. Apabila kelulusan JKP sudah diperoleh editor akan menguruskan perjanjian dengan penulis. Dalam masa yang sama manuskrip tersebut akan dibuat penyuntingan substantif.

Tetapi tidak semua proses tersebut digunakan dengan tersusun. Misalnya dalam proses penyuntingan iaitu perolehan manuskrip, agak jarang berlaku editor Unit Penerbitan melantik penulis tertentu untuk menulis satu-satu judul. Amalan yang biasa dilakukan ialah satu-satu judul itu diperoleh daripada manuskrip sedia ada yang dihasilkan melalui peraduan menulis sastera kreatif, bengkel penulisan serta hasil pertemuan penulis peringkat wilayah (Sabah, Sarawak, Kalimantan dan Brunei).

³⁴Walter Powell, “Publishe’s Decision-Making” What Criteria do they use in Deciding Which Book to

Dalam tempoh 1988 hingga 1998 sebanyak 94 judul telah diterbitkan.³⁵ Daripada jumlah tersebut sebanyak 18 judul atau 19.1% adalah hasil peraduan. Sebanyak 11 judul atau 11.7% judul yang diusahakan oleh Unit Bahasa, Sastera dan Penerbitan dirancang dengan melantik penulis, dan 50 judul atau 53.1% lagi adalah manuskrip yang dihantar sendiri oleh penulis untuk diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak.

JADUAL 2.7.5 SUMBER JUDUL BUKU DBP 1988-1998

SUMBER	JUMLAH	PERATUS
Hasil Bengkel Penulisan	15	15.9
Hasil Peraduan	18	19.1
Dihantar Penulis	50	53.1
Hasil Penyelidikan Unit Bahasa/Sastera Penerbitan	11	11.7
Jumlah	94	100

Sumber: Unit Penerbitan DBP Sarawak

Ini memperlihatkan bahawa pada peringkat perolehan manuskrip, DBP Cawangan Sarawak banyak bergantung pada hasil peraduan menulis, karya peserta bengkel, karya sempena pertemuan penulis dan manuskrip yang dihantar sendiri oleh penulis. Maka perancangan judul yang dibuat oleh Unit

Publish” dlm. *Social Research* 45, Summer, 1978, hlm. 227-252.

³⁵Sumber Unit Penerbitan DBP Sarawak.

Penerbitan sebenarnya lebih terikat kepada sumber sedia ada dan bukannya merancang sesuatu judul secara khusus.

Dengan kata lain, perancangan judul banyak ditentukan oleh manuskrip yang sedia ada daripada sumber tersebut tanpa memerlukan editor mencari dan merancang judul seperti kebanyakan penerbit swasta. Editor di DBP Cawangan Sarawak hanya merancang judul berdasarkan manuskrip sedia ada yang sebahagian besarnya hasil kerjasama Unit Pengembangan Sastera Tradisional (Sastera kreatif), Unit Penyelidikan Sastera (Cerita Rakyat), Unit Penyelidikan Sastera Moden (Sastera Kreatif) dan Unit Pengembangan Bahasa Sektor Awam dan Unit Pengembangan Bahasa Sektor Swasta (buku bahasa), Unit Penyelidikan Bahasa dan Unit Perkamusan dan Peristilahan.

2.8.5 Peringkat Pra Cetak

Peringkat ini merupakan proses penyuntingan hingga manuskrip bersih. Apabila manuskrip sudah bersih editor akan menentukan spesifikasi buku untuk atur huruf. Dalam masa yang sama surat tawaran sebut harga atur huruf dan cetak akan diproses. Tawaran sebut harga ini biasanya secara "award" kepada pencetak yang sudah berdaftar dengan DBP Cawangan Sarawak.

Editor juga akan menguruskan proses mendapatkan nombor ISBN, nombor KK dan CIP. Di samping itu, editor turut membuat permohonan Kod Jalur buku berkenaan. Anggaran harga jualan juga dibuat pada tahap ini.

Kerja atur huruf, pruf dan reka bentuk buku dijalankan pada peringkat terakhir pracetak. Reka bentuk buku memerlukan editor berbincang dengan penulis untuk mendapat pandangan dan persetujuan. Reka bentuk melibatkan saiz buku, jenis kertas, jenis rupa taip, ilustrasi, kulit buku dan konsep keseluruhan buku tersebut. Apabila selesai proses ini barulah buku tersebut dihantar kepada pencetak untuk proses cetak.

2.8.6 Peringkat Cetak

DBP Cawangan Sarawak pada peringkat ini hanya memantau kerja-kerja percetakan yang diberikan kepada pencetak. Editor yang biasanya juga Ketua Unit Penerbitan akan sentiasa berhubung dengan pencetak untuk memastikan proses cetak berjalan seperti yang dijadualkan. Pencetak juga akan berhubung dengan editor jika terdapat beberapa masalah yang timbul berkaitan percetakan buku tersebut.

Apabila kerja percetakan siap, naskhah contoh akan dihantar ke DBP Cawangan Sarawak untuk pengesahan mutu. Jika terdapat sebarang masalah seperti tidak menepati spesifikasi yang ditentukan atau mutunya tidak mencapai kehendak DBP, naskhah contoh berkenaan akan dikembalikan kepada pencetak untuk dipertingkatkan mutunya hingga pihak DBP berpuas hati.

Editor akan menguruskan royalti penulis apabila buku siap dicetak dengan memaklumkannya secara rasmi kepada Unit Hak Cipta DBP Kuala Lumpur. Naskhah untuk penulis sebanyak lima naskhah juga akan diberikan dan ini bergantung pada kontrak yang telah disetujui dengan penulis sebelum ini.

2.8.7 Penerbitan Buku Sastera DBP Cawangan Sarawak

Berdasarkan nisbah jenis buku yang diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak, ternyata sekali penekanan adalah kepada penerbitan buku sastera. Perkara ini menjadi dasar tersirat yang didokumenkan secara konkrit oleh DBP Cawangan Sarawak. Walau bagaimanapun, penekanan kepada penerbitan buku sastera sebenarnya terakam dalam wawasan dan misi penerbitan dan perniagaan DBP Cawangan Sarawak seperti yang terdapat dalam Kertas Dasar Pengurusan Strategik Penerbitan DBP Cawangan Sarawak:⁵³

- i. Mengisi keperluan tempatan terhadap bahan bacaan (buku) dalam pelbagai bidang, khususnya bidang bahasa dan sastera.
- ii. Menerbitkan seberapa banyak buku yang dirancang, khususnya memenuhi hasrat penulis tempatan untuk menempatkan diri mereka ke peringkat yang lebih tinggi.
- iii. Menyebarluaskan seberapa banyak karya sastera pelbagai kaum di Sarawak melalui penerbitan.
- iv. Membina dan mengembangkan bakat penulisan serta ketokohan penulis muda Sarawak di peringkat negeri dan nasional melalui penerbitan karya mereka.

Penekanan serta kecenderungan DBP Cawangan Sarawak menerbitkan buku-buku sastera juga dilihat sebagai satu langkah untuk memasyarakatkan sastera berbahasa Melayu di Sarawak. Usaha ini penting bagi mendukung matlamat utama penubuhan DBP mengembangkan bahasa

⁵³Kertas Dasar Pengurusan Strategik DBP Cawangan Sarawak 1998.

Melayu dan salah satu caranya ialah dengan menerbitkan buku-buku sastera untuk bacaan masyarakat. Ini pernah ditegaskan oleh Hassan Ahmad;⁵⁴

Buku merupakan alat pengembang bahasa, alat kodifikasi bahasa yang sangat penting Bahasa ilmiah, bahasa sains, dan teknologi dapat diperkembangkan, dimantapkan secara berkesan melalui tulisan dan bahan-bahan penerbitan. Korpus bahasa yang telah dibina melalui kegiatan bahasa perlu dikembangkan melalui "persuratan" bahasa kita. Kerana inilah saya menganggap tugas penerbitan buku yang dijalankan oleh DBP adalah satu tugas pembinaan dan pengembangan bahasa juga.

Bagi memastikan proses penerbitan buku dapat dilaksanakan dengan berkesan, sesebuah penerbit mestilah melengkapkan dari dengan ilmu dan kemahiran yang khusus dalam bidang penerbitan. Ini sesuai dengan pendapat Smith (1966) yang menyatakan penerbit harus mempunyai kemampuan mentadbir syarikat dan bersifat intelektual, iaitu peka dengan perkembangan yang berlaku di sekelilingnya, terutama yang berhubung dengan keperluan pembaca.⁵⁵ DBP Sarawak mempunyai tugas yang berat dalam menjamin setiap buku yang diterbitkan mampu memenuhi cita rasa pembaca.

Penerbitan buku sastera terutamanya sastera kreatif oleh DBP Cawangan Sarawak adalah sebagai langkah pelengkap kepada usaha menggalakkan perkembangan sastera di Sarawak. Perkembangan sastera

⁵⁴Hassan Ahmad, "DBP sebagai Agensi Pembinaan Bahasa" kertas kerja dlm. Seminar Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Sarawak pada 16-19 September 1980 di Kuching.

⁵⁵Datus C. Smith, *A Guide To Book Publishing*, R.R. Bowker, New York, 1966.

itu sendiri dapat dibahagikan pula kepada dua sasaran iaitu masyarakat umum (pembaca) dan penulis (pencipta karya sastera).

Penekanan kepada penerbitan buku sastera ini dapat dilihat dari segi pecahan judul buku yang diterbitkan sepanjang tempoh 1988-1998 daripada 94 judul buku yang diterbitkan, 67% atau 63 judul ialah buku sastera.

Jadual 2.7.7 Buku terbitan DBP Sarawak mengikut judul 1988 - 1998

JUDUL TAHUN	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	
Sastera	6	6	7	8	11	4	4	1	6	6	4	63 (67%)
Bahasa	1	1	-	-	3	-	-	1	-	-	1	7 (7%)
Buku Teks	-	-	1	1	1	-	-	-	-	-	-	3 (3%)
Umum/ Sosial	4	-	1	5	2	1	2	1	1	3	1	21 (22%)
	11	7	9	14	17	5	6	3	7	9	6	94 (100%)

Sumber: Unit Penerbitan DBP Sarawak

2.8.8 Penerbitan Buku Sastera Sebagai Pemupuk Kecintaan Masyarakat Kepada Kesusastraan Kebangsaan

Penerbitan buku sastera adalah penting untuk bahan bacaan bagi memupuk minat dan kecintaan masyarakat kepada karya sastera. Bahan bacaan ini pula mestilah bahan yang bermutu yang dapat mencerminkan ketinggian nilai sastera kebangsaan kita. Daripada ketinggian nilai serta pemikiran yang tergarap dalam karya sastera diharapkan ia dapat membentuk akal budi masyarakat agar menjadi lebih mulia. Ini sesuai

dengan peranan utama sastera sebagai pembentuk minda serta kemanusiaan masyarakat.⁵⁶

Untuk memastikan karya sastera yang bermutu, yang dapat menjadi cermin kepada masyarakat, DBP Cawangan Sarawak memainkan peranan sebagai perancang, pembina dan penerbit hasil-hasil sastera bermutu di Sarawak. Melalui kawalan mutu serta penetapan standard khusus terhadap buku sastera yang hendak diterbitkan atas nama DBP, karya sastera akan terjamin ketinggian nilai intelek dan nilai seninya.

Penerbitan ini juga dapat menambah bahan yang terdapat di pasaran, di perpustakaan serta yang disiarkan oleh media massa. Bahkan penerbitan buku sastera berbahasa Melayu oleh penerbit swasta bagi keperluan tempatan memang amat terbatas. DBP Cawangan Sarawak adalah satu-satunya sumber masyarakat dan penulis untuk mendapatkan bahan sastera yang bermutu, murah dan mudah.

2.8.9 Penerbitan Buku Sastera Menambah Khazanah Sastera

Di samping itu penerbitan buku sastera oleh DBP Cawangan Sarawak juga adalah sebagai usaha menambah khazanah sastera kebangsaan. Ini dapat dilakukan dengan penerbitan hasil sastera dari suku kaum yang terdapat di Sarawak. Penerbitan ditumpukan kepada bidang sastera iaitu cerita rakyat.

⁵⁶Lihat Shafie Abu Bakar, "Sastera Lisan: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid," dlm. *Penelitian Sastera: Metodologi dan Penerapan*, S. Jaafar Hussein (Penyelenggara)

Hasil sastera dari kaum Melayu Sarawak, Iban, Bidayuh, Melanau, Lun Bawang, Kenyah, Kelabit dan Bisaya diterjemah daripada bahasa asalnya. Usaha ini adalah dengan bantuan penuh Unit Penyelidikan Sastera Tradisional.⁵⁷ Secara tidak langsung cerita rakyat yang diterbitkan ini menambah khazanah sastera kebangsaan kita.

Setakat tahun 1988 hingga 1998 terdapat sebanyak 19 judul buku sastera ialah cerita rakyat pelbagai suku kaum di Sarawak. Ini bermakna 29% buku sastera yang diterbitkan dalam tempoh tersebut ialah cerita rakyat. Pecahan cerita rakyat yang telah diterbitkan mengikut suku kaum adalah seperti yang berikut: Iban 13 judul, Melayu Sarawak 1 judul, Bisaya 1 judul, Lun Bawang 2 judul dan pelbagai suku kaum 3 judul.

**Jadual 2.7.7 Cerita rakyat mengikut kaum terbitan DBP Sarawak
1988 - 1998**

KAUM	JUMLAH	PERATUS
Iban	13 Judul	68.42
Lun Bawang	2 Judul	10.52
Bisaya	1 Judul	5.26
Melayu	1 Judul	5.26
Pelbagai	2 Judul	10.52

2.8.10 Penerbitan Buku Sastera Menyokong Pembinaan Penulis

Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 137 – 138.

⁵⁷Unit Penyelidikan Sastera Tradisional sejak 1980 giat menjalankan kerja-kerja pengumpulan cerita rakyat pelbagai kaum di Sarawak. Cerita-cerita yang dikumpulkan ditulis dalam bahasa asal (sumber).

Penerbitan buku sastera DBP Cawangan Sarawak berperanan menyokong pembinaan penulis kreatif yang prolifik di Sarawak. Sudah terbukti bahawa Sarawak mempunyai beberapa orang penulis yang mampu menghasilkan karya bermutu yang perlu diangkat hingga ke peringkat nasional. Nama-nama seperti Jamilah Morshidi, Zakeria Embi, Esmawi Husli, Saiee Driss, Zaini Oje, Jeniri Amir, Awangku Merali Pengeran Mohamed, Jong Chian Lai, Jais Sahok, Hipani Alwi, Adi Badiozaman Tuah, Jeli Bohari Biha, William Chan, Jiso Rutan, Hajijah Jais, Abang Patdeli Abang Muhi, Majuni Plera adalah antara penulis yang sudah mendapat nama di peringkat nasional.

Tetapi bakat serta karya mereka tidak akan dapat diketahui secara meluas jika karya mereka tidak diterbitkan dan disebarluaskan ke seluruh negara. DBP Cawangan Sarawak berperanan mengangkat penulis tempatan ini dengan menerbitkan karya-karya mereka. Bukan setakat mengangkat mereka hingga peringkat nasional, malah yang lebih penting karya mereka, pemikiran serta ketinggian nilai seni yang diungkap oleh mereka melalui puisi, cerpen, sajak dan novel akan menyumbang kepada perbendaharaan sastera kreatif negara.

2.8.11 Genre Sastera Yang Diterbitkan

DBP Cawangan Sarawak dalam jangka waktu 1988 hingga 1998 telah menerbitkan 63 judul sastera. Pecahan judul mengikut genre adalah seperti berikut: puisi 1 judul atau 1.5%, cerpen 17 judul atau 26.9%, novel 20 judul

atau 31.7%, drama 3 judul atau 4.7%, cerita rakyat 19 judul atau 30.1% dan kritikan sastera 3 judul atau 4.7%.⁵⁸

**Jadual 2.7.8 Penerbitan buku sastera DBP Sarawak mengikut genre
1988 - 1998**

GENRE	JUMLAH	PERATUS
Novel	20	31.7
Cerpen	17	26.9
Cerita Rakyat	19	30.1
Puisi	1	1.5
Drama	3	4.7
Pelbagai	1	1.5
Kritikan Sastera	2	3.1
	63	100%

Sumber: Unit Penerbitan DBP Sarawak

Ini bermakna novel merupakan genre yang paling banyak diterbitkan berbanding genre lain. Cerpen juga banyak diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak selain cerita rakyat. Novel yang banyak diterbitkan adalah hasil peraduan menulis sastera kreatif. Misalnya dalam Peraduan menulis sastera kreatif novel 1986, sebanyak 10 penyertaan diterima oleh pengajur. Lima novel telah diterbitkan hasil peraduan tersebut iaitu *Kerana Marina* karya Zakeria Embi, *Gadis Bernama Lina* karya Jamilah Morshidi, *Erti Pengorbanan* karya Joanes Uno, *Pelita Desa* karya Jantan Umbat dan *Hisham* karya Jais Sahok.

⁵⁸Sumber Unit Penerbitan DBP Sarawak.

Kekurangan judul daripada genre drama dan kritikan sastera disebabkan oleh minat penulis Sarawak yang ternyata rendah terhadap dua genre ini. Apatah lagi untuk menghasilkan kritikan atau eseи sastera memerlukan penelitian, pengkajian dan ilmu yang mendalam dalam bidang kritikan. Perkara ini menyebabkan minat untuk menghasilkan kritikan juga terbatas.

Dalam tempoh 1988 hingga 1998 genre puisi hanya satu judul diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Sedangkan sebahagian besar penulis Sarawak menulis puisi. Punca keadaan ini berlaku ialah penulis puisi tidak mempunyai kesungguhan untuk menerbitkan puisi mereka dalam bentuk buku. Mereka lebih cenderung menulis dan menerbitkan puisi mereka dalam akhbar, majalah dan secara stensilan.

Dengan mengambil kira tempoh sepuluh tahun (1988 – 1998) purata penerbitan buku sastera di DBP Cawangan Sarawak setahun ialah sebanyak enam judul. Purata jumlah cetak bagi setiap judul pula adalah antara 1000 hingga 3000 naskhah. Ini bermakna, dalam tempoh sepuluh tahun tersebut jumlah buku sastera yang berada di pasaran ialah sebanyak sekitar 70,000 naskhah. Berdasarkan jumlah buku sastera yang tercetak ini sekurang-kurangnya sebahagian kecil keperluan buku sastera yang bermutu telah disediakan oleh DBP Cawangan Sarawak kepada pembaca di negeri berkenaan.

2.8.13 Sumber Judul Sastera

Perolehan manuskrip untuk diterbitkan datangnya daripada empat sumber utama iaitu hasil bengkel penulisan, hasil peraduan menulis sastera

kreatif, bahan Unit Penyelidikan Sastera Tradisional dan manuskrip yang dihantar oleh penulis kepada DBP Cawangan Sarawak atas inisiatif penulis sendiri. Amat jarang judul sastera dirancang secara ideal oleh Unit Penerbitan sendiri.

Dalam tempoh 1988 hingga 1998, sebanyak 63 judul sastera telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Hasil bengkel penulisan menyumbang sebanyak 8 judul atau 12.6% iaitu novel 3 judul dan antologi cerpen 5 judul. Peraduan menulis sastera kreatif menghasilkan 10 judul atau 15.8% iaitu novel 5 judul, cerpen 3 judul, puisi 1 judul dan drama 1 judul. Hasil penyelidikan Unit Penyelidikan Sastera Tradisional menyumbang sebanyak 5 judul atau 7.9% kesemuanya cerita rakyat. Sumber judul yang paling banyak ialah manuskrip yang dihantar oleh penulis atas inisiatif penulis sendiri dengan menyumbangkan sebanyak 40 judul atau 63.4%. Daripada jumlah tersebut novel 12 judul, cerpen 9 judul, cerita rakyat 14 judul, drama 2 judul dan kritikan sastera 2 judul dan pelbagai genre 1 judul.⁶⁰

Jadual 2.7.9 Sumber judul sastera DBP Cawangan Sarawak 1988 - 1998

SUMBER GENRE	NOVEL	CERPEN	CERITA RAKYAT	PUISI	DRAMA	KRITIKAN	JUMLAH
Hasil Bengkel	3	5	-	-	-	-	8
Hasil Peraduan	5	3	-	1	1	-	10
Dihantar Penulis	12	9	14	Pelbagai 1	2	2	40
Unit Penyelidikan Sastera	-	-	5	-	-	-	5

⁶⁰Sumber Unit Penerbitan DBP Sarawak.

20	17	19	1+1	3	2	63
----	----	----	-----	---	---	----

Sumber: Unit Penerbitan DBP Sarawak

2.8.14 Faktor yang Mempengaruhi Perancangan Judul Sastera

Perancangan judul sastera di Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak juga bergantung penuh pada dua faktor lain. Pertama ialah faktor peruntukan tahunan untuk projek penerbitan dan kedua ialah faktor tenaga kerja di Unit Penerbitan sendiri. Dua faktor ini sebenarnya mempengaruhi jumlah judul sastera yang diterbitkan.

2.8.15 Peruntukan Tahunan Yang Terhad

Kegiatan penerbitan judul sastera biarpun menjadi keutamaan tetap dirancang berdasarkan peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan DBP Kuala Lumpur dalam Anggaran Belanjawan Tahunan (ABM) DBP Cawangan Sarawak. Kegiatan penerbitan buku memerlukan kos yang agak tinggi bergantung pada harga bahan seperti kertas dan dakwat yang mungkin berubah mengikut pasaran semasa.

Dengan mengambil kira faktor kos serta peruntukan yang diluluskan inilah Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak hanya mampu menerbitkan sekitar 6 judul sastera setahun. Ini bermakna secara kasar kos penerbitan untuk judul sastera setahun ialah sekitar RM30,000 dengan mengambil kira

satu judul memerlukan kos sekitar RM5,000. Kos ini tidaklah termasuk tenaga kerja yang digunakan sebaliknya ia hanya mengambil kira kos percetakan dan royalti penulis.⁶¹

Berdasarkan peruntukan penerbitan untuk lima tahun terakhir iaitu mulai 1993 hingga 1998, penerbitan judul sastera adalah tidak tetap mengikut tahun. Pada tahun 1993 penerbitan sastera diperuntukkan sebanyak RM128,800 iaitu 52.58% daripada peruntukan keseluruhan penerbitan yang berjumlah RM243,400. Pada tahun 1994 peruntukan untuk sastera menurun kepada hanya RM62,200 tetapi dari segi peratusan keseluruhan kekal 51%. Peruntukan untuk penerbitan sastera terus menurun pada tahun 1995 dengan hanya RM24,400 atau 37% daripada peruntukan keseluruhan yang berjumlah RM65,800. Sementera itu pada tahun 1996, jumlah keseluruhan peruntukan penerbitan ialah RM50,000 dengan 50.6% atau RM30,373 adalah untuk penerbitan sastera.

Tahun 1997 pula peruntukan penerbitan buku sastera ialah RM30,714 atau 27.9% peratus daripada keseluruhan peruntukan RM110,00. Bagi tahun 1998, keseluruhan jumlah peruntukan penerbitan ialah sebanyak RM126,740 dan daripada jumlah itu, sebanyak RM58,472 atau 46% adalah untuk penerbitan sastera.

Jadual 2.7.10 Peruntukan unit penerbitan untuk judul sastera 1993-1998

TAHUN	PERUNTUKAN KESELURUHAN UNIT	PERUNTUKAN JUDUL SASTERA	PERATUS
1993	RM243,400	RM128,000	52.58

⁶¹Temubual dengan Che Zainab Omar, Ketua Unit Penerbitan DBP Sarawak pada 4 Ogos 1999 di DBP Cawangan Sarawak.

1994	RM12,1607	4M62,200	51
1995	RM65,800	4M24,400	37.08
1996	RM60,000	RM30,373	50.62
1997	RM110,000	RM30,714	27.92
1998	RM126,740	RM58,472	46.13

Sumber: Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak

Kesimpulan yang dapat diambil daripada agihan peruntukan penerbitan DBP Cawangan Sarawak dalam tempoh lima tahun terakhir (1993 – 1998) ialah penerbitan sastera diperuntukkan antara 27% hingga 52% daripada peruntukkan tahunan penerbitan. Selebihnya adalah untuk penerbitan judul bahasa, penerbitan berkala dan penerbitan judul sains sosial dan perbelanjaan am.

2.8.16 Proses Penerbitan Judul Sastera

Jangka masa dari perolehan judul hingga siap cetak bagi buku sastera ialah antara tiga tahun hingga lima tahun. Sebagai contohnya, manuskrip novel yang diterima daripada penulis pada tahun 1993 akan dinilai oleh penilai yang dipilih oleh Unit Penerbitan. Penilaian manuskrip ini akan mengambil masa sehingga enam bulan. Kemudian penilai akan memberi komen tentang mutu bagi manuskrip berkenaan.

Laporan penilaian itu kemudian akan dikemukakan pula kepada Jawatankuasa Editorial (JKE) peringkat DBP Cawangan Sarawak. Selepas

itu barulah dihantar ke Jawatankuasa Penerbitan (JKP) Dewan Kuala Lumpur untuk kelulusan penerbitan. Proses ini sahaja akan mengambil masa tiga bulan hingga setahun.

Apabila kelulusan JKP diperoleh, barulah kerja-kerja penerbitan sebenar dimulakan. Ia melibatkan penyuntingan, pracetak dan cetak. Proses penyuntingan naskhah biasanya akan mengambil masa hingga setahun. Sebaik sahaja manuskrip bersih maka bermula pula proses pengeluaran yang melibatkan kerja pracetak dan cetak. Kerja-kerja pengeluaran juga biasanya mengambil masa setahun. Ini bermakna dalam keadaan biasa, penerbitan buku sastera di DBP Cawangan Sarawak akan mengambil masa antara tiga hingga lima tahun untuk siapa cetak dan dipasarkan.

Masa yang agak lama untuk menghasilkan buku sastera ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu birokrasi dan kekurangan tenaga. Faktor ini menyebabkan keseluruhan kerja penerbitan yang sepatutnya boleh disiapkan antara setahun hingga setahun setengah tidak dapat dilakukan sebagaimana yang dibuat oleh penerbit swasta.

2.8.17 Kerenah Birokrasi

Birokrasi di sini ialah dalam carta aliran kerja penerbitan buku DBP. Sekurang-kurangnya tiga peringkat jawatankuasa terpaksa dilalui iaitu Penilaian oleh Penilai Manuskrip (Unit Penerbitan), Jawatankuasa Editorial (DBP Cawangan Sarawak) dan Jawatankuasa Penerbitan (JKP), DBP Kuala Lumpur. Proses birokrasi ini sahaja akan mengambil masa sehingga dua tahun.

Jika masalah birokrasi ini dapat dikurangkan masa yang diambil untuk penerbitan buku sastera adalah lebih singkat. Birokrasi ini juga melibatkan soal komunikasi antara DBP Cawangan Sarawak dengan DBP Kuala Lumpur yang sering terganggu oleh berbagai-bagai masalah. Antara masalah yang sering timbul ialah sikap pegawai dan beban tugas yang banyak.

Ada juga rungutan editor di Cawangan Sarawak yang mengatakan manuskrip yang dihantar untuk JKP kadang-kadang terlepas perhatian Jabatan Penerbitan untuk dibawa ke mesyuarat JKP. Dalam masa yang sama keputusan kelulusan manuskrip yang diterbitkan juga kadang-kadang lambat diterima oleh Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak.

2.8.18 Kekurangan Tenaga Kerja di Unit Penerbitan

Faktor tenaga manusia yang kurang di Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak juga adalah penyumbang penting kepada kelambatan menyiapkan judul sastera. Editor di Unit Penerbitan hanya tiga orang yang terdiri seorang berskuel S3, seorang S4 dan seorang S5. Pembantu penerbitan hanya tiga orang, pelukis dua orang, pereka seorang dan seorang jurutaip.

Dengan hanya tiga orang editor, bermakna seorang menangani dua manuskrip setahun dengan mengambil kira enam judul sastera diterbitkan setahun. Mereka sebenarnya bukan hanya menangani manuskrip berkenaan, malah mereka juga akan terlibat dengan kerja-kerja penerbitan lain di Unit Penerbitan. Tiga orang editor ini juga akan terlibat menerbitkan buku cenderamata, brosur, penerbitan berkala di akhbar *Utusan Sarawak* dan

juga menganggotai jawatankuasa projek di unit lain. Maka penumpuan mereka terhadap manuskrip hanya sekitar 50%. Selebihnya terpaksa ditumpukan kepada beban kerja lain.

Masalah yang serupa juga dihadapi oleh tiga orang pembantu penerbitan. Mereka juga tidak dapat menumpukan kepada manuskrip yang diberikan kepada mereka disebabkan mereka juga terlibat dengan penerbitan buku cenderamata, penerbitan berkala, penyediaan brosur dan juga sebagai ahli jawatankuasa projek di unit lain. Dengan demikian tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan kerja pruf biasanya agak panjang.

Seorang pereka berskel B5 dan dua pelukis berskel B7 dalam keadaan beban tugas yang banyak tidak memungkinkan mereka dapat menumpukan kerja sepenuhnya kepada satu-satu manuskrip sastera. Keadaan ini turut menyebabkan masa keseluruhan yang diambil untuk menerbitkan buku sastera begitu panjang.

Memang seringkali terdengar rungutan daripada penulis bahawa DBP Cawangan Sarawak amat lambat menerbitkan buku mereka. Masalah ini hanya dapat diatasi jika tenaga kerja di Unit Penerbitan ditambah serta kerja-kerja seperti penyediaan buku cenderamata, brosur dan penerbitan berkala dengan akhbar tidak dibebankan kepada mereka. Sebaliknya, jika masalah ini tidak diatasi, proses penerbitan buku sastera di DBP Cawangan Sarawak akan tetap mengambil masa yang panjang.

Ada juga kalangan penulis yang merunggut apabila buku mereka terbit, ia sudah semacam tidak "up to date" lagi. Kerana tempoh lima tahun ketika karya itu dihasilkan banyak sekali kemajuan dan perubahan baik dari segi tema mahupun teknik penulisan yang pernah terjadi. Biarpun ada rungutan

sedemikian, di Sarawak, DBP tetap menjadi sumber untuk penerbitan karya oleh penulis.⁶²

2.8.19 Perniagaan Buku DBP Cawangan Sarawak

Seperti yang telah dibincangkan dengan agak panjang lebar dalam kajian Hamedи Mohd. Adenan, perniagaan buku DBP tidak berjalan secara professional.⁶³ Proses perniagaan yang meliputi penjualan, pemasaran, promosi, publisiti serta kajian pasaran tidak dilakukan dengan sempurna oleh pegawai di Unit Perniagaan. Malah proses seperti kajian pasaran buku langsung tidak dilakukan.

UNESCO mengakui bahawa secara keseluruhannya negara Asia amat lemah dari segi pemasaran buku.⁶⁴ Ini menuntut negara di Asia dan Malaysia khusus membaiki buku. Dalam hal ini juga DBP menghadapi masalah ketidak lampau perniagaan buku.

Perkara ini disebabkan oleh dasar perniagaan buku DBP yang terikat dengan objektif penubuhan DBP sebagai badan pengembang bahasa dan sastera. Keuntungan bukanlah menjadi matlamat utama yang penting buku yang dihasilkan dapat menyumbang ke arah pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera kebangsaan. Soal sama ada buku laku atau tidak adalah pertimbangan kedua yang seringkali diabaikan oleh DBP.

⁶²Temubual dengan Encik Jais Sahok, pada 15 November 199 di SMK Lumba Kuda, Kuching.

⁶³Hamedи Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 125.

⁶⁴Lihat Book Development in Asia, Laporan Tokyo meeting of experts of Book Production and Distribution in Asia 1966, UNESCO, Paris, 1967.

Sebagai badan berkanun, yang mendapat dana daripada kerajaan⁶⁵ perniagaan buku serta bahan-bahan lain terbitan DBP tidak terlalu diharapkan untuk mendapat keuntungan yang besar sebagaimana yang diharapkan oleh penerbit swasta. Hassan Ahmad sendiri pernah menyatakan, dasar perniagaan buku oleh DBP ialah memastikan buku yang diterbitkan itu dapat menghasilkan "pulang modal"⁶⁶ untuk meneruskan aktiviti penerbitan buku yang berikutnya.

Dasar serta suasana bekerja yang tidak proaktif untuk menjalankan kerja-kerja perniagaan secara tidak langsung mempengaruhi motivasi pegawai serta kakitangan Unit Perniagaan. Tersemat di fikiran mereka bahawa untung dan rugi dalam perniagaan buku tidak perlu dirisaukan. Sebabnya, selagi DBP masih organisasi kerajaan, pegawai dan kakitangan akan tetap "selamat".

Suasana perniagaan secara profesional tidak dapat diwujudkan sepenuhnya di DBP juga disebabkan DBP ialah sebuah organisasi kerajaan. Banyak halangan peraturan atau prosedur yang terpaksa dipatuhi oleh pegawai perniagaan. Antara lain, masa beroperasi kedai buku, dasar pemberian diskain, halangan mengadakan pameran, urusan jual beli yang tidak lancar adalah contoh suasana tidak proaktif dalam perniagaan buku di DBP. Perkara ini juga berlaku di DBP Cawangan Sarawak.

Will Zachau menyatakan bahawa masalah paling utama dalam pemasaran buku di negara Asia ialah kurangnya pengurusan secara

⁶⁵25% daripada perbelanjaan operasi DBP setiap tahun dibiayai oleh kerajaan. 75% lagi adalah melalui kegiatan perniagaan buku DBP.

⁶⁶Hassan Ahmad, Wawancara dlm. *Dewan Sastera*, Disember 1977.

professional dalam industri buku.⁶⁷ Dalam kes Malaysia masalah ini menurut Hamedi Mohd. Adenan berpunca daripada bidang penerbitan buku itu sendiri yang masih belum mantap akibat kurangnya permintaan daripada masyarakat.⁶⁸

2.8.20 Unit Perniagaan

Bagi menyokong serta merangsang aktiviti penerbitan dan seterusnya mendukung usaha pengembangan bahasa dan sastera kebangsaan di Sarawak, Unit Perniagaan dibentuk dengan matlamat:⁶⁹

1. Mendekatkan bahan bacaan kepada masyarakat untuk tujuan penggalakan pembacaan dan penggunaan bahasa Melayu melalui jualan buku.
2. Meyakinkan masyarakat tentang keupayaan dan kemampuan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu.
3. Merangsang dan memupuk minat penulisan dalam bahasa Melayu bagi mereka yang berpotensi menulis terutama bagi mereka yang tinggal jauh dari pusat perkembangan bahasa dan sastera.
4. Penstoran bekalan buku DBP yang cukup untuk keperluan pembaca di negeri Sarawak dengan cara yang teratur dan sistematik.
5. Penstoran dan pengedaran BTSP seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

⁶⁷Will Zachau, Book Distribution in Asia 1966 dlm. UNESCO meeting of Experts of Book Production in Asia di Tokyo pada 1966.

⁶⁸Hamedi Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 127.

⁶⁹Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) DBP Sarawak 1989.

Unit Perniagaan di DBP Cawangan Sarawak adalah pelengkap kepada usaha mengembangkan dan memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan di Sarawak. Hasil penyelidikan bahasa dan sastera yang diterbitkan oleh Unit Penerbitan perlu diedar dan dijual kepada masyarakat. Hanya dengan cara ini barulah proses pembinaan dan pengembangan bahasa itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Peranan serta tugas Unit Perniagaan di Sarawak amatlah besar, disebabkan keluasan serta bentuk geografi yang juga menyulitkan perhubungan dari satu kawasan ke satu kawasan. Pengedaran dan pemasaran buku dalam keadaan demikian memerlukan kos yang lebih tinggi berbanding Semenanjung Malaysia. Strategi serta kaedah pemasaran juga tidak mungkin sama sepenuhnya dengan semenanjung. Sekaligus ia menuntut perancangan perniagaan buku yang lebih kreatif. Inilah cabaran besar yang terpaksa dipikul oleh kakitangan Unit Perniagaan DBP Sarawak.

Tiga fungsi yang dijalankan oleh Unit Perniagaan, iaitu pemasaran, pengedaran dan penstoran memecahkan unit ini kepada dua Sub Unit selain unit utama iaitu Unit Perniagaan. Sub unit yang dibentuk ialah Sub Unit Stor dan Sub Unit Kedai Buku DBP Sarawak. Ketiga-tiganya melaksanakan fungsi perniagaan berdasarkan bidang masing-masing.

2.8.21 Projek-Projek Unit Perniagaan

Bagi melaksanakan fungsi pemasaran, pengedaran penstoran, beberapa projek dirancang oleh Unit Perniagaan DBP Cawangan Sarawak. Ia melibatkan projek jualan, penyelidikan dan pembangunan pemasaran, pembangunan pengedar, seranta dan pengedaran (stor).⁷⁰ Namun mulai tahun 1997 projek-projek telah diperkemas dan dimantapkan bersetujuan dengan keperluan semasa ketika itu.

Maka pada tahun 1998 projek unit ini diubah menjadi projek promosi, projek jualan, projek khidmat pelanggan, projek pengedaran dan projek penstoran.⁷¹ Perubahan nama dan cakupan projek ini hanyalah untuk memastikan kegiatan perniagaan buku di DBP Cawangan Sarawak lebih lancar dan sesuai dengan jumlah tenaga manusia yang hanya seramai 13 orang.

Perubahan projek ini juga membawa implikasi yang agak negatif apabila projek penyelidikan dan pembangunan pemasaran tidak lagi dibuat. Malah perkara yang berkaitan dengan pembangunan pengedar juga tidak diutamakan lagi. Usaha lebih ditumpukan kepada menjual buku terus kepada pelanggan.

2.8.22 Promosi

Lawatan promosi biasanya dijalankan pegawai perniagaan ke jabatan-jabatan kerajaan di Sarawak. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

⁷⁰Buku Rancangan Kegiatan DBP Sarawak 1989, hlm. 49 – 50.

⁷¹Laporan Prestasi DBP Cawangan Sarawak 1998, hlm. 57 – 58.

merupakan tempat yang sering menjadi tumpuan lawatan. Selain itu lawatan promosi juga ditumpukan kepada pengedar, kedai buku berdaftar DBP, kedai buku swasta dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Semasa lawatan ini pegawai perniagaan akan membawa naskhah contoh serta katalog buku terbaru terbitan DBP untuk diedarkan kepada pembeli sasaran ini.

Selain Jabatan Pendidikan, sekolah juga merupakan sasaran pegawai Unit Perniagaan untuk lawatan promosi. Buku naskhah contoh diberikan kepada sekolah untuk tujuan promosi kepada guru dan pelajar. Purata sepuluh tempat lawatan promosi dibuat pada setiap tahun. Ini bermakna dalam tempoh 1988 hingga 1998 sebanyak 100 lawatan promosi telah dibuat oleh pegawai perniagaan.⁷²

Projek promosi juga melibatkan pameran buku yang dirancang dan atas permintaan pihak luar. Biasanya pameran ini dibuat di sekolah-sekolah seluruh Sarawak. Sekolah merupakan institusi yang paling kerap memohon pameran buku diadakan di tempat mereka.

Pameran untuk tujuan promosi dan sekaligus jualan buku diadakan bersempena dengan satu-satu majlis sastera dan bahasa. Misalnya sempena Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS) yang lazimnya diadakan di hotel-hotel terkemuka di Kuching. Pameran promosi juga dibuat sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara Peringkat Negeri Sarawak pada setiap tahun. Pameran juga diadakan dalam acara sastera seperti seminar ataupun pertemuan penulis di Sarawak.⁷³

⁷²Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi, Penolong Pegawai Pemasaran, Unit Perniagaan DBP Sarawak pada 14 Ogos 1999 di DBP Sarawak.

⁷³Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi, pada 14 Ogos 1999.

Keberkesanan projek promosi yang dilaksanakan oleh Unit Perniagaan masih jauh daripada tahap yang membanggakan. Banyak aduan atau sungutan yang diterima dari masyarakat bahawa mereka tidak mengetahui buku-buku terbaru terbitan DBP. Perkara ini menyebabkan mereka tidak tahu dan langsung tidak membeli buku terbitan DBP.

Kaedah promosi yang diamalkan oleh Unit Perniagaan juga tidak efektif. Promosi hanya dijalankan melalui lawatan pegawai ke pembeli sasaran serta mengedarkan senarai buku serta katalog buku terbitan DBP dengan meletakkan di Kedai Buku DBP Cawangan Sarawak serta dibawa bersama semasa pameran di tempat tertentu sahaja. Sedangkan pembaca atau pembeli sasaran “bertabur” di seluruh pelusuk negeri Sarawak.

Penggunaan media cetak seperti akhbar dan majalah tidak digunakan dengan meluas sebagai alat mempromosi buku. Akhbar tempatan di Sarawak seperti *Utusan Sarawak*, *Utusan Borneo*, dan *Sarawak Tribune* tidak digunakan untuk mengiklankan buku-buku terbitan DBP, sedangkan akhbar ini merupakan media yang dibaca setiap hari oleh sebahagian besar pembaca di bandar-bandar utama serta pekan-pekan kecil di seluruh Sarawak. Media elektronik iaitu radio juga tidak dimanfaatkan oleh Unit Perniagaan dalam usaha mempromosi buku. Di Sarawak setakat ini terdapat dua stesen radio iaitu RTM Sarawak dan Cats Radio. Dengan keadaan perhubungan darat yang masih sedikit bermasalah, radio adalah jawapan terbaik untuk mempromosi buku kerana radio dapat didengari hampir seluruh negeri Sarawak.

Kelemahan aspek promosi ini pernah disebut oleh Hamedi Mohd. Adenan. Dalam kajiannya beliau mendapati teknik-teknik promosi seperti

periklanan, publisiti dan promosi jualan kurang signifikan kepada penerbit di Malaysia.⁷⁴ Alasan yang sering diberikan ialah kekurangan peruntukan serta masalah tenaga manusia yang tidak mencukupi.

2.8.23 Pemasaran Dan Jualan Buku

Sistem pemasaran buku DBP Sarawak menurut dasar perniagaan yang telah ditentukan oleh Ibu Pejabat, di Kuala Lumpur. Sistem yang digunakan ialah penjualan buku dan terbitan lain melalui pengedar, kedai buku berdaftar, kedai buku DBP Sarawak dan kirim jual. Melalui empat saluran ini buku dan majalah terbitan DBP dijual langsung kepada pelanggan di seluruh Sarawak. Sistem pengedar ini yang mula diperkenalkan pada tahun 1970, (di DBP Kuala Lumpur) bertujuan membantu DBP menjual dan memasarkan buku di bandar-bandar utama seluruh negara. Peranan pengedar yang utama juga adalah untuk melaksanakan program pengedaran Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Di Sarawak, empat pengedar telah dilantik iaitu Syarikat Sinar Suci Sdn. Bhd., Syarikat Emuat Sdn. Bhd., Pustaka Edar Sdn. Bhd. dan OBYU Service Sdn. Bhd. Kesemua syarikat ini berpusat di bandaraya Kuching. (Rujuk Lampiran IV) Kedai Buku Berdaftar pula hanya berperanan menjual buku-buku terbitan DBP. Mereka tidak terlibat dalam pengedaran buku SPBT seperti pengedar. Tetapi kedua-dua sistem, Pengedar dan Kedai Buku berdaftar, mempunyai jaminan bank pada kadar khusus bagi memastikan syarikat yang dilantik ini layak membeli dan seterusnya menjual buku-buku DBP. Pengeluaran buku untuk dijual dan dipasarkan bergantung pada jumlah jaminan bank syarikat berkenaan. Sekiranya baki jaminan bank kurang daripada buku-buku yang dimohon untuk

⁷⁴Hamedи Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 15.

dipasarkan, maka Pengedar dan Kedai Buku Berdaftar ini terpaksa menambah baki kredit jaminan bank mereka terlebih dahulu.

DBP Sarawak telah melantik lapan Kedai Buku Berdaftar di seluruh Sarawak iaitu di bandar-bandar utama Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Bintulu dan Limbang.⁷⁵ Peranan Kedai Buku Berdaftar selain menjual buku DBP di premis sendiri, juga membantu mengadakan pameran dan jualan buku di sekolah dan tempat-tempat lain seperti yang diarahkan oleh DBP Cawangan Sarawak dari semasa ke semasa, khususnya di sekitar premis syarikat berkenaan. Sistem kirim jual yang diamalkan di DBP Sarawak sebenarnya terhad kepada Pengedar dan Kedai Buku Berdaftar sahaja. Dua pihak ini boleh menggunakan sistem ini selagi jumlah jaminan bank mereka melayakkan mereka memohon buku daripada DBP Sarawak untuk dipasarkan.

Saluran lain yang digunakan oleh DBP Sarawak memasarkan buku adalah melalui Kedai Buku DBP Sarawak. Kedai buku ini beroperasi di bangunan pejabat DBP Sarawak di Petra Jaya Kuching. Masa operasi ialah mengikut masa pejabat di Sarawak iaitu dari jam 8.00 hingga 4.30 petang. Setiap hari (Isnin hingga Jumaat) dan 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari (sabtu)

Berbeza dengan kedai buku di Ibu Pejabat, kedai Buku DBP Sarawak beroperasi menggunakan kakitangan Unit Perniagaan sendiri. Malah untuk mendapatkan buku-buku dari stor DBP Sarawak untuk dipasarkan, pengurusan kedai buku hanya perlu memohon kepada Unit Perniagaan dan pihak stor akan membuat pindahan stok ke Kedai Buku. Selain menjual

buku secara harian, Kedai Buku juga mengadakan Pasar Ria buku dua kali dalam setahun dengan potongan harga sehingga 80% berdasarkan tarikh terbit buku berkenaan. Pasar Ria diadakan di Dewan Serbaguna BDP Sarawak, biasanya diadakan pada bulan Jun (sebulan) dan bulan Disember (sebulan). Sambutan Pasar Ria ini amat menggalakkan.⁷⁶

Prestasi hasil jualan buku DBP iaitu untuk pasaran terbuka (PT) memang sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 1988 jumlah jualan bersih DBP ialah RM713,428, 1989 RM938,542, 1990 RM878,394, 1991 RM860,143, 1992 RM948,333, 1993 RM1,166,936, 1994 RM644,102, 1995 RM535,200, 1996 RM514,783 1997, RM337,857 dan 1998 RM743,181.

**Jadual 2.7.11 Prestasi hasil jualan buku pasaran terbuka
DBP Sarawak dalam tempoh 1988 – 1998**

TAHUN	HASIL JUALAN (RM)
1988	713,428
1989	938,542
1990	878,394
1991	860,143
1992	948,333
1993	1,166,936
1994	644,102
1995	535,200
1996	514,783
1997	337,857

⁷⁵Rujuk lampiran IV.

⁷⁶Hasil Jualan Pasar Ria Buku DBP 1988 ialah sebanyak RM101,000.00 dan pada tahun 1999 sebanyak RM80,000.00.

1998	743,181
	8,280,899

Dalam tempoh 10 tahun tersebut jumlah nilai jualan bersih dan majalah DBP di Sarawak untuk PT ialah sebanyak RM8,280,899. Purata hasil jualan bersih setahun ialah sebanyak RM828,089.9.

Peningkatan jumlah hasil jualan buku dan majalah DBP terutamanya pada tahun 1998 disebabkan oleh pendekatan "robust" yang diambil oleh kakitangan Unit Perniagaan.⁷⁷ Melalui pendekatan ini, usaha pameran dan penjualan buku dibuat secara lebih agresif dan terancang. Agresif dalam maksud, masa satu-satu pameran di satu-satu tempat dipanjangkan. Misalnya sempena sambutan Hari Kebangsaan di Bintulu, DBP turut mengadakan pameran dan jualan di tapak ekspo perayaan tersebut selama 14 hari.

Selain itu, pameran dan jualan buku diadakan di tempat atau lokasi strategik sahaja. Contohnya pameran dibuat sempena Ekspo Perayaan Hari Kebangsaan, Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara Peringkat Negeri Sarawak dan majlis-majlis keramaian di sekolah-sekolah.

Peningkatan hasil jualan sejak dua tahun terakhir (1997 dan 1998) juga dipengaruhi oleh Pasar Ria Buku yang diadakan di DBP Sarawak, iaitu dua kali setahun.

Hasil jualan semasa Pasar Ria pada tahun 1998 ialah sebanyak RM101,489. Ini menunjukkan bahawa buku dan majalah terbitan DBP tetap mendapat sambutan masyarakat. Peranan publisiti serta potongan harga

yang menarik semasa Pasar Ria diadakan adalah antara faktor yang menyumbang kepada kelarisan jualan.

2.8.24 Lawatan Khidmat Pelanggan

Projek lawatan khidmat pelanggan ini ditumpukan khusus kepada pengawasan pengedaran BTSP iaitu semasa musim pengedaran BTSP di Sarawak. Lazimnya pengedaran BTSP dibuat dalam bulan September dan Oktober setiap tahun. Pegawai Unit Perniagaan akan melawat ke sekolah dan Jabatan Pendidikan Bahagian bagi memastikan buku teks BTSP sampai ke sekolah seperti yang dijadualkan. Lawatan ini perlu kerana hampir setiap tahun DBP cawangan Sarawak mendapat rungutan pihak sekolah tentang kelewatan penghantaran buku teks yang dipesan. Masalah kuantiti buku yang dibekalkan tidak mencukupi bagi sekolah-sekolah tertentu juga cuba diselesaikan melalui lawatan ini.

Pengedar DBP yang bertanggungjawab mengedarkan BTSP di kawasan tertentu juga akan dihubungi berkaitan masalah pengedaran BTSP ini. Beberapa kelewatan penghantaran buku teks ke sekolah berpunca daripada kelemahan syarikat pengedaran itu sendiri, selain masalah perhubungan yang sukar terutamanya di kawasan pedalaman Sarawak.⁷⁸

Mulai tahun 1996, DBP Sarawak tidak lagi menguruskan penerbitan serta pengedaran BTSP untuk sekolah-sekolah di Sabah. Mulai tahun tersebut urusan penerbitan dan pengedaran BTSP untuk Sabah diuruskan oleh DBP Cawangan Sabah. Ini mengurangkan beban kerja yang ditanggung

⁷⁷Laporan Prestasi Unit Perniagaan 1998.

⁷⁸Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi Penolong Pegawai Pemasaran Unit Perniagaan DBP Sarawak pada 14 Ogos 1999 di DBP Sarawak.

oleh Unit Perniagaan Cawangan Sarawak. Tumpuan dapat diberikan sepenuhnya kepada pengedaran BTSP di Sarawak sahaja bagi memastikan semua buku teks sampai ke sekolah sebelum persekolahan bermula.

2.8.25 Stor dan Pengedaran

Urusan penerimaan dan pengeluaran buku untuk pasaran terbuka dan BTSP di DBP Cawangan Sarawak dijalankan oleh subunit stor. Buku yang diterima akan direkod secara manual dan komputer melalui sistem SIG. Begitu juga dengan buku yang hendak diedar atau dikeluarkan dari stor baik untuk jualan yang dipesan oleh Pengedar, Kedai Buku Berdaftar mahupun kedai Buku DBP Sarawak akan direkodkan terlebih dahulu.

Buku atau majalah yang hendak dikeluarkan mestilah dengan menyertakan invois dan mendapat arahan serta pengesahan Unit Perniagaan. Setiap akhir tahun, biasanya pada bulan Disember semakan stok buku dan majalah akan dibuat bagi memastikan stok buku itu selaras dengan baki terakhir pada rekod yang dibuat dalam kad BIN.

Stor buku DBP Cawangan Sarawak pada setiap tahun menyimpan sekitar 1.6 juta naskhah buku. Jumlah kakitangan yang sedikit diketuai oleh seorang kerani kanan, tiga orang dan dua pekerja awam rendah sebenarnya tidak mencukupi bagi satu pengurusan stor dan pengedaran buku yang cekap. Perkara ini disebabkan oleh subunit stor hampir setiap hari menerima dan mengeluarkan buku. Kerja harian yang agak banyak ini menghalang

kecekapan pengurusan keseluruhan. Malah kerani serta pekerja awam rendah turut terlibat dalam pameran buku di tempat lain serta pasaria buku.⁷⁹

Masalah kekurangan tenaga kerja bagi menguruskan stok buku yang banyak dan beban kerja yang berbagai adalah satu perkara yang perlu diselesaikan oleh pengurusan DBP Sarawak. Dengan hanya dua orang pekerja rendah awam, tidak mungkin kerja-kerja perstoran dapat dilaksanakan secara berkesan.

2.8.26 Penyelidikan dan Pembangunan Pemasaran

Aktiviti ini khusus untuk meningkatkan hasil jualan buku DBP secara keseluruhan dengan menjalankan kajian pasaran di Sarawak. Kajian ringkas yang dijalankan oleh kakitangan Unit Perniagaan ialah melihat potensi pasaran dengan menyediakan senarai pelanggan, senarai sekolah, senarai mailing dan menyediakan juga buku maklumat pesanan. Senarai ini digunakan untuk melihat dan mengenal pasti sekolah, pelanggan serta khalayak yang beroperasi untuk membeli buku-buku terbitan DBP. Walau bagaimanapun kajian ini sebenarnya tidak dibuat secara lengkap, terperinci dan sistematis. Kajian hanya dibuat berdasarkan pemerhatian sepintas lalu terhadap potensi pasaran. Setakat ini Unit Perniagaan belum pernah membuat satu penyelidikan pasaran yang benar-benar lengkap dan sistematis untuk digunakan dalam meningkatkan hasil jualan buku.

⁷⁹Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi Penolong Pegawai Pemasaran, Unit Perniagaan DBP Sarawak pada 14 Ogos 1999.

Bagi meningkatkan kecekapan pemasaran Unit Perniagaan telah mula menggunakan komputer dalam urusan penstoran, pengedaran dan penjualan buku. Sistem ini yang dikenali sebagai Sistsem Inventori Galeri (SIG) mula digunakan pada tahun 1997.⁸⁰ Melalui sistem ini semua urusan di stor seperti merekod keluar masuk buku direkodkan melalui komputer. Sebelum ini urusan keluar masuk buku dibuat secara manual. Bagi kedai buku DBP, sistem SIG digunakan untuk menyediakan resit jualan serta mencari buku-buku yang diperlukan oleh pelanggan dengan merujuk kepada nama pengarang atau judul buku berkenaan.

Penggunaan sistem SIG banyak membantu memudahkan kerja-kerja penstoran, pemasaran dan penjualan buku. Kerja-kerja ini yang dibuat secara manual telah dapat dipercepatkan melalui komputer. Di kedai buku umpamanya, masalah pelanggan untuk mencari buku tertentu lebih mudah apabila kakitangan bertugas hanya perlu mencari buku berkenaan dengan merujuk melalui komputer.⁸¹

2.8.27 Pemasaran Buku Sastera

DBP menerbitkan buku dalam hampir kesemua bidang ilmu yang meliputi bahasa, sastera, sejarah, geografi, komunikasi, budaya, ekonomi, sains dan teknologi, falsafah serta agama. Dalam hal ini DBP Cawangan Sarawak tidak mempunyai dasar atau ketentuan khusus memasarkan buku-

⁸⁰Sumber: Sub Unit Stor, Unit Perniagaan DBP Sarawak.

⁸¹Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi Penolong Pegawai Pemasaran, Unit Perniagaan DBP Sarawak pada 14 Ogos 1999 di DBP Sarawak.

buku sastera. Semua jenis buku dipasar atau dijual secara sama rata. Tidak ada keutamaan atau keistimewaan khusus kepada buku sastera dan bahasa.

Bagi pameran buku di sesuatu tempat, pegawai yang bertanggunjawab menguruskan pameran ini dengan inisiatif sendiri akan melihat kesesuaian buku yang hendak dipamerkan dan dijual. Lazimnya, jika pameran dibuat di sekolah, buku-buku yang diutamakan ialah buku sastera kreatif, majalah, buku bahasa yang ringan (kamus, istilah, glosari). Buku untuk pengajian tinggi atau buku umum dewasa dalam bidang falsafah, ekonomi, sains, sejarah dan agama tidak dibawa sebagai satu keutamaan.

Sebaliknya jika pameran dan jualan buku dibuat di pusat pengajian tinggi seperti UNIMAS, UiTM Cawangan Sarawak, Politeknik, Maktab Penguruan, Jabatan Kerajaan dan tapak eksposesuatu keraian, buku untuk pengajian tinggi dan umum dewasa menjadi keutamaan. Buku sastera kreatif juga turut dibawa.

Amalan, Unit Perniagaan ialah setiap kali mengadakan pameran dan jualan, buku sastera kreatif sentiasa dibawa. Lazimnya juga, buku sastera kreatif lebih laris berbanding buku dalam bidang sejarah, geografi, sains, falsafah dan agama.⁸²

2.8.28 Pretasi Unit Perniagaan

Secara keseluruhan, dengan mengambil kira jumlah kakitangan dan keluasan cakupan kawasan (Negeri Sarawak) prestasi Unit Perniagaan DBP

⁸²Temubual dengan Encik Razali Abang Hasbi Penolong Pegawai Pemasaran, Unit Perniagaan DBP Sarawak pada 14 Ogos 1999 di DBP Sarawak.

Sarawak dapat dianggap baik. Purata hasil jualan kasar sejak dua tahun terakhir 1998 dan 1999 iaitu sekitar RM 1 juta adalah satu pencapaian yang baik.⁸³

Namun prestasi jualan terutamanya dapat dipertingkatkan lagi sekiranya promosi, publisiti dan keseluruhan pemasaran dipercekap melalui kaedah yang lebih berkesan. Promosi misalnya tidak dibuat secara agresif, sementara publisiti juga tidak dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Sesi pelancaran buku, sari buku dan ulasan buku bagi tujuan promosi dan memperkenalkan buku amat jarang diadakan oleh Unit Perniagaan. Kegiatan pemasaran masih lagi di sekitar kaedah pameran dan jualan di sekolah semata-mata.

Penyelidikan pasaran tidak dibuat dengan rapi dan sistematik. Penyelidikan yang dilakukan hanyalah berbentuk menyediakan senarai pelanggan, senarai jabatan, senarai sekolah dan senarai kedai buku. Kajian tidak dibuat ke atas jenis buku yang laris, serta jenis pelanggan yang paling berpotensi. Bahkan pelanggan yang berpotensi hanya dibuat secara "andaian" dan pemerhatian sepintas lalu oleh pegawai pemasaran.

Lokasi kedai buku DBP Sarawak sendiri tidak begitu strategik buat masa ini. Kedai buku ini terletak di Pejabat DBP Cawangan Sarawak di Jalan Tun Abdul Rahman Yakub, Petra Jaya Kuching agak tidak selesa untuk dikunjungi. Lokasinya agak terasing dari pusat bandar raya Kuching. Kedai buku ini lebih strategik jika diletakkan di pusat bandar raya Kuching untuk memudahkan pelanggan mengunjunginya.

⁸³Sumber: Unit Perniagaan DBP Sarawak.

Beberapa ketidakcekapan aspek pemasaran buku yang dinyatakan ini menghalang prestasi hasil jualan buku DBP Cawangan Sarawak. Kelemahan ini jika dapat dibaiki sudah pasti dapat menaikkan jumlah hasil jualan buku tahun DBP Sarawak.